

Wirid, Zikir & Doa

SELEPAS SOLAT



Haffa®



Diterbitkan oleh:

Haffa Holding Sdn. Bhd.

No. 3-2, Block B, Plaza Wangsa Maju, No 1, Jalan Maju
Ria 1, Seksyen 10, Wangsa Maju 53300 Kuala Lumpur.
Tel: +6011 2431 9151

Hak Cipta © Haffa Holding Sdn. Bhd.

Tim Penerbitan:

Lugman Hakim, Ustaz Faiz Afandi,
Ustaz Hafiz Afandi, Che Azam

Penulis:

Ustaz Hafiz & Ustaz Faiz

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan eBook ini dalam apa jua bentuk dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin daripada pihak Haffa Holding Sdn. Bhd.

EBook ini mengandungi nama Allah SWT, ayat Al-Quran, dan Hadis Nabi Muhammad SAW, sila kendalikan eBook ini dengan cermat dan penuh adab.

Isi Kandungan

Pengenalan • 1



Bab 1 : Wirid, Zikir & Doa • 3

Bab 2 : Hukum Berzikir Selepas Solat • 7

Bab 3 : Wirid Ringkas Selepas Solat • 12

Bab 4 : Wirid Lengkap Selepas Solat • 21

Bab 5 : Doa Selepas Solat • 37

Bab 6 : Doa Selepas Solat Khusus • 51

Bab 7 : Doa Di Situasi Khusus • 63

Bab 8 : Tahlil & Doa (Ringkas & Lengkap) • 75

Bab 9 : Adab-Adab Dalam Berdoa • 106

Bab 10 : Kelebihan Berdoa Selepas Solat • 109

Bab 11 : Hukum Berdoa Selepas Solat • 113

Bab 12 : Soalan Lazim • 117

Bab 13 : Penutup • 124



Bibiologi • 127

Pengenalan

Setiap kali selepas solat, kita sering terburu-buru meninggalkan sejadah tanpa menyedari bahawa kita sedang melepaskan peluang emas untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Saat-saat itu adalah detik-detik yang penuh dengan rahmat, di mana doa dan zikir yang kita lafazkan mempunyai kekuatan luar biasa untuk mengubah hidup kita.

Namun, sejauh manakah kita memahami nilai wirid, zikir, dan doa yang sering kita lafazkan? Adakah ia sekadar rutin tanpa jiwa, atau adakah kita benar-benar menghargai setiap lafaz sebagai laluan menuju reda Illahi?

E-book ini hadir sebagai panduan komprehensif untuk membantu anda memahami, menghafal, dan mengamalkan wirid, zikir, dan doa selepas solat dengan mudah dan penuh kesedaran.

Melalui teks Arab yang autentik dan terjemahan yang jelas, anda akan dibimbing untuk merasai keindahan makna di sebalik setiap lafaz. Bukan itu sahaja, fadhilat-fadhilat yang disertakan dari al-Quran dan hadis akan menyuntik motivasi untuk anda beristiqamah dalam berzikir, sambil menyedari betapa besarnya ganjaran yang Allah janjikan kepada hamba-Nya yang ikhlas.



Sabda Nabi SAW:

“Perumpamaan orang yang mengingati Tuhannya dengan orang yang tidak mengingati Tuhannya adalah seperti perumpamaan antara yang hidup dan yang mati.”

(Riwayat Bukhari & Muslim)

Semoga dengan kehadiran e-book ini di tangan pembaca, ia mampu membantu mendorong untuk terus istiqamah dalam kehidupan seharian agar hati sentiasa mengingati Allah dan tidak mati, hingga mampu mencapai tahap keikhlasan & keimanan yang sebenar.



» BAB 1 «

Wirid, Zikir & Doa

Bab 1 • Wirid, Zikir & Doa

Asal Usul Zikir & Doa selepas solat

Zikir selepas solat (al-Awrad al-Qusyasyiyyah) yang umum diamalkan oleh masyarakat Islam di Nusantara ini adalah karya Syekh Ahmad bin Muhammad al-Qusyasyi, yang lahir di Madinah pada abad ke-11 Hijrah/17 Masihi.

Wirid ini juga turut dikenali sebagai al-Awrad al-Madaniyyah kerana ia dibentuk berlandaskan amalan penduduk Madinah bersama Nabi Muhammad ﷺ.

Syekh Ahmad bin Muhammad al-Qusyasyi, yang juga dikenali sebagai Sofiyyuddin (991-1071H/1583-1661M), adalah seorang alim dalam bidang fiqh dan tasawuf.

Dia memulakan pendidikan bersama ayahnya di Yaman pada tahun 1602. Pada mulanya, dia mengikuti mazhab Maliki, tetapi kemudian beralih ke mazhab Syafi'e. Setelah kembali ke Madinah, dia menjadi mufti untuk kedua-dua mazhab ini.

Beliau menulis lebih dari 70 buah kitab, kebanyakannya tentang tasawuf, dan antara kitab terkenalnya adalah

“السمط المجيد في شرح الحكم العطائية”
“شأن البيعة والذكر وتلقيه وسلاسل اهل التوحيد.”



Syeikh Ahmad wafat di Madinah pada 19 Zulhijah 1071H, bersamaan dengan 14 Ogos 1661M.

Imam al-Ghazali dalam bukunya, Bidayah al-Hidayah, menyarankan umat Islam untuk membaca wirid-wirid terbaik selepas solat seperti yang diatur oleh Syeikh Abdul Rauf, murid Syeikh Ahmad al-Qusyasyi, dalam kitabnya Uddatul Muhtajin. Wirid-wirid ini juga diikuti oleh ramai penduduk Madinah yang berzikir bersama Rasulullah ﷺ selepas solat.

Beberapa muridnya yang terkenal dari Asia Tenggara termasuklah Abdur Rauf Singkel dari Aceh, Abdul Muhyi Pamijahan dari Jawa Barat, Yusuf al-Makassari dari Sulawesi Selatan, dan Abdul Malik bin Abdullah dari Terengganu.

Wirid-wirid tersebut dapat ditemui dalam kitab Hidayah as-Salikin yang ditulis oleh Syaikh Abdus Samad al-Falimbangi dan juga dalam Kitab Bekalan Akhirat oleh Syaikh Ahmad Fahmi bin Zamzam al-Banjari.

Apakah itu Wirid, Zikir & Doa?

Wirid adalah lafaz-lafaz tertentu yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW sebagai amalan harian untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Zikir pula adalah sebutan berulang-ulang nama Allah atau pujian



kepada-Nya, yang mampu menenangkan hati dan menyuburkan iman.

Doa, dari sudut lain, adalah permintaan dan harapan kita kepada Allah, yang menghubungkan hamba dengan Tuhannya melalui rasa rendah diri dan penuh pengharapan.

Antara kata-kata mutiara yang dinukilkan daripada ulama-ulama yang besar dalam Islam:

Imam Al-Ghazali dalam Ihya Ulumuddin:

“Zikir adalah makanan hati dan jiwa. Sebagaimana badan memerlukan makanan untuk terus hidup, hati juga memerlukan zikir untuk kekal hidup dan bercahaya.”

Imam An-Nawawi:

“Tiada sesuatu yang lebih utama untuk mendekatkan diri kepada Allah selepas amalan fardu selain memperbanyakkan zikir kepada-Nya.”

Berdasarkan kata-kata ini, dapat diambil pengajaran bahawa wirid, zikir & doa bukan sahaja selepas solat, namun untuk kehidupan seharian juga adalah tersangat penting sehingga dikaitkan dengan hati setiap manusia yang hidup di atas muka bumi ini.



› BAB 2 ‹

Hukum Berzikir

SELEPAS SOLAT

Bab 2 • Hukum Berzikir Selepas Solat

Amalan Berzikir dan Berdoa Selepas Solat: Antara Sunnah dan Keutamaan

Berdoa dan Berzikir Selepas Solat: Satu Ibadah yang Digalakkan.

Berzikir dan berdoa selepas solat fardu adalah amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam, berdasarkan pelbagai nas al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman, berzikirlah kamu kepada Allah dengan zikir yang banyak. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang.”

(Surah al-Ahzab: 41-42)

Ayat ini menggalakkan orang-orang beriman untuk sentiasa berzikir kepada Allah, sama ada secara sendirian mahupun berjemaah. Tiada larangan untuk melakukannya dalam bentuk kumpulan atau sendirian, dan kedua-duanya adalah diterima sebagai ibadah yang berpahala.

Para ulama sepakat bahawa semakin banyak seseorang berzikir, semakin besar ganjarannya. Tiada had tertentu sama ada zikir itu pendek atau panjang, kerana agama ini memberi keluasan kepada umatnya.



Imam al-Nawawi menyatakan bahawa:

“Para ulama bersepakat terhadap keharusan berzikir selepas menunaikan solat.” (al-Azkar)

Malahan, menurut Darul Ifta Mesir, jika seseorang menyempitkan keluasan ini dengan menyatakan zikir berjemaah atau zikir panjang sebagai bid'ah, maka sebenarnya dia yang mencipta bid'ah itu sendiri.

Zikir dan doa selepas solat adalah amalan yang disyorkan, tidak kira dilakukan secara sendirian atau berjemaah, pendek atau panjang.

Apakah itu Wirid, Zikir & Doa?

Berzikir dan berdoa selepas solat merupakan sunnah Rasulullah SAW yang diamalkan Baginda sepanjang hidupnya. Beberapa panduan yang boleh dijadikan amalan termasuk:

◦ Doa Selepas Solat

Rasulullah SAW bersabda:

“(Doa yang paling didengari ialah) ketika sepertiga malam yang terakhir dan selepas selesai solat fardu.”

Riwayat al-Tirmizi, no. 3499



◦ Istighfar dan Ucapan Pujian

Thauban RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW beristighfar sebanyak tiga kali selepas solat, kemudian mengucapkan:

“Ya Allah, Engkau adalah sumber keselamatan, dan daripada-Mu datangnya keselamatan. Maha Suci Engkau, wahai Tuhan yang Maha Mulia dan Maha Tinggi.”

Riwayat Muslim, no. 1362

◦ Tasbih, Tahmid, dan Takbir

Rasulullah SAW menganjurkan agar umatnya bertahlil, bertahmid, dan bertakbir sebanyak 33 kali selepas solat. Baginda bersabda:

“Sesiapa yang bertasbih sebanyak 33 kali, bertahmid sebanyak 33 kali, dan bertakbir sebanyak 33 kali, lalu melengkapkan 100 dengan membaca: Tiada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Kepunyaan-Nya kerajaan dan segala puji. Dia berkuasa atas segala sesuatu, maka diampunkan dosa-dosanya, walaupun sebanyak buih di lautan.”

(Riwayat Muslim, no. 1380)

◦ Zikir Berjemaah

Dalam satu riwayat, Ibnu Abbas RA menyatakan bahawa suara zikir selepas solat dapat didengari pada zaman Rasulullah SAW, menandakan amalan berzikir secara berjemaah adalah perkara biasa dan tidak bertentangan dengan syariat.



◦ Adab Doa Selepas Solat

Rasulullah SAW menegur seseorang yang tergesa-gesa berdoa tanpa memulakan dengan memuji Allah dan berselawat ke atas Nabi. Baginda bersabda:

“Jika salah seorang di antara kalian selesai solat, mulakanlah dengan memuji Allah dan mengagungkan-Nya. Kemudian berselawatlah ke atas Nabi, barulah berdoa dengan apa yang diingini.”

Kesimpulan

Amalan zikir dan doa selepas solat adalah salah satu keistimewaan dalam ibadah Islam yang mendekatkan seorang hamba kepada Tuhannya. Tiada batasan atau larangan untuk melakukannya secara sendirian atau berjemaah, panjang atau pendek, kerana ia adalah ruang keluasan yang diberikan oleh agama. Berzikir selepas solat bukan sahaja memanjangkan masa kita dalam ibadah tetapi juga menjadi asbab penghapusan dosa dan penambah keberkatan dalam kehidupan.

Maka, eloklah seseorang itu meluangkan sedikit masa selepas solat untuk berzikir dan berdoa sebelum bangun menyempurnakan ibadah yang lain, kerana ia adalah sunnah yang penuh hikmah dan ganjaran.



› BAB 3 ‹

Wirid Ringkas

SELEPAS SOLAT

Bab 3 • Wirid Ringkas Selepas Solat

Subuh, Zohor, Asar, Maghrib & Isyak

Setelah memberi salam, disunatkan kita untuk membaca zikir-zikir seperti berikut:

- Istighfar (Dibaca 3 kali)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ .

Astaghfirullahal-'azim.

“Aku memohon ampun kepada Allah yang Maha Agung”

- Zikir Tahlil (Dibaca 3 kali. 10 kali untuk Subuh & Maghrib)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي
وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Lailaha Illallaahu Wahdahuu Laa Syariikalah, lahu Mulku Walahu
Hamdu Wahuwa 'Ala Kulli Syay'in Qodiir.

“Tiada Tuhan selain Allah, yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya. Bagi-Nya kerajaan dan segala pujian. Dia menghidupkan dan mematikan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.”



- Doa berindung dari Neraka (Dibaca 3 kali. 7 kali untuk Subuh & Maghrib)

Berjemaah:

اللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ.

Allahumma Ajirnaa Minan Naar.

“Ya Allah, selamatkanlah kami daripada api neraka.”

Berseorangan:

اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ.

Allahumma Ajirnii Minan Naar.

“Ya Allah, selamatkanlah aku daripada api neraka.”

- Doa Memohon Kesejahteraan

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، وَإِلَيْكَ يَعُودُ السَّلَامُ، فَحَيِّنَا رَبَّنَا بِالسَّلَامِ، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Allahumma Antas Salaam, Waminkas Salaam, Wailayka Ya'uudus Salaam, Fahayyinaa Robbanaa Bis Salaam, Waadkhilnal Jannata Daaras Salaam, Tabarakta Robbana Wata'aalayta Ya Zal Jalaali Wal Ikraam.



“Ya Allah, Engkaulah sumber kesejahteraan, daripada-Mu datang kesejahteraan, kepada-Mu kembali segala kesejahteraan. Hidupkanlah kami dengan kesejahteraan, masukkanlah kami ke dalam syurga, negeri kesejahteraan. Maha Berkat Engkau, wahai Tuhan kami, Maha Tinggi Engkau, wahai Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan.”

- Membaca Ta'awwuz

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ.

A'udzu billahi minasy-syaithanir-rajiim.

“Aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang terkutuk.”

- Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ①
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ② الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ③ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ④
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ⑤ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ⑥
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ⑦

1. Bismillaahir Rohmaanir Rohiim. 2. Alhamdulillaahi Robbil 'Aalamiin. 3. Ar-Rohmaanir Rohiim. 4. Maaliki Yau Middiin 5. Iyyaaka Na'budu Waiyyaaka Nasta'in. 6. Ihdinas Sirootol Mustaqiim. 7. Sirootol Laziina An'amta 'Alaihim Ghoril Maghdhubi 'Alaihim Waladh Dhooliin



1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”

◦ Ayat Kursi

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ، لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ، مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ، يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ، وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ، وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ، وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Allahu laa ilaaha illaa huwal hayyul qayyum, laa ta'khuzuhu sinatuw walaa naum, lahu maa fissamaawaati wa maa fil ardh, man zallazii yashfa'u 'indahu illaa bi-iznihi, ya'lamu maa baina aidiihim wa maa khalfahum, wa laa yuhiituna bishai-im min 'ilmihi illaa bimaa shaa-a, wasi'a kursiyyuhus samaawaati wal ardh, wa laa ya-uduhu hifzuhuma wa huwal 'aliyyul 'azim.



“Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, lagi Maha Mengurus (sekalian makhluk-Nya). Tiada mengantuk dan tiada tidur bagi-Nya. Kepunyaan-Nya segala yang ada di langit dan di bumi. Tiada siapa yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya tanpa izin-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu-Nya kecuali dengan izin-Nya. Kursi-Nya meliputi langit dan bumi, dan tiada kesukaran bagi-Nya memelihara kedua-duanya. Dan Dia Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

◦ Tasbih (33 kali)

Dimulakan dengan bacaan (1 kali):

Berjemaah:

إِلَهَنَا يَا رَبَّنَا - سُبْحَانَ اللَّهِ .

Ilaahana Yaa Robbana - Subhanallah.

Berseorangan:

إِلَهِي يَا رَبِّي - سُبْحَانَ اللَّهِ .

Ilaahi Yaa Robbi - Subhanallah.

سُبْحَانَ اللَّهِ

Subhanallah.

“Maha Suci Allah”



- Tahmid (33 kali)

Dimulakan dengan bacaan (1 kali):

Berjemaah:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ دَائِمًا قَائِمًا أَبَدًا - الْحَمْدُ لِلَّهِ .

Subhanallahi Wabihamdihi Daaiman Qaaiman Abadan Alhamdulillah.

“Maha Suci Allah dan segala pujian bagi-Nya, selamanya dan selama-lamanya.”

الْحَمْدُ لِلَّهِ

Alhamdulillah

“Segala pujian hanya milik Allah”

- Takbir (33 kali)

Dimulakan dengan bacaan (1 kali):

Berjemaah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَنِعْمَةٍ .

Alhamdu lillahi rabbil ‘alamin ‘ala kulli halin wa ni’mah.

“Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, atas setiap keadaan dan nikmat – Allah Maha Besar.”



اللَّهُ أَكْبَرُ

Allahuakbar

“Allah Maha Besar”

◦ Penutup Zikir

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ،
يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ .
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ .

Allahu akbaru kabira, walhamdu lillahi kathira, wa subhanallahi bukratan
wa asila. Laa ilaaha illallahu wahdahu laa syarikalah, lahul mulku wa
lahul hamdu, yuhyi wa yumitu, wa huwa ‘ala kulli syai’in qadir, wa ilaihil
mashir. Wa laa hawla wa laa quwwata illa billahil ‘aliyyil ‘azim.
Astaghfirullahal ‘azim.

“Allah Maha Besar, sebesar-besarnya. Segala puji bagi Allah
sebanyak-banyaknya. Maha Suci Allah pada waktu pagi dan
petang, Tiada Tuhan melainkan Allah, yang Esa. Kepunyaan-Nya
kerajaan dan segala pujian. Dia menghidupkan dan mematikan,
dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Kepada-Nyalah
tempat kembali. Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan
pertolongan Allah, Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Aku
memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung.”



Setelah selesai membaca wirid, luangkan masa untuk berdoa kepada Allah SWT. Waktu selepas solat fardhu merupakan salah satu saat yang mustajab untuk berdoa. Oleh itu, panjatkanlah doa sesuai dengan keperluan dan hajat anda, atau bacalah doa-doa yang disediakan dalam bahagian seterusnya sebagai panduan. Jadikan doa ini sebagai penghubung yang lebih erat antara anda dengan Allah, penuh harapan dan keikhlasan.



› BAB 4 ‹

Wirid Lengkap

SELEPAS SOLAT

Bab 4 • Wirid Lengkap Selepas Solat

Subuh, Zohor, Asar, Maghrib & Isyak

Setelah memberi salam, disunatkan kita untuk membaca zikir-zikir seperti berikut:

• Surah Al-Isra', Ayat 111

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذُّلِّ وَكَبِّرَ تَكْبِيرًا .

Alhamdulillahilladzi lam yattakhiz waladan wa lam yakun lahu syarikun fil mulki wa lam yakun lahu waliyyum minadz-zulli wa kabbirhu takbirā.

“Segala puji bagi Allah, yang tidak mengambil anak, tiada sekutu bagi-Nya dalam kerajaan, dan tiada penolong bagi-Nya dari kehinaan. Agungkanlah Dia dengan sebenar-benar pengagungan.”

• Istighfar (Dibaca 3 kali)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ .

Astaghfirullahal-‘azim.

“Aku memohon ampun kepada Allah yang Maha Agung”



- Zikir Tahlil (Dibaca 3 kali. 10 kali untuk Subuh & Maghrib)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي
وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Lailaha Illallaahu Wahdahuu Laa Syariikalah, lahul Mulku Walahul
Hamdu Wahuwa 'Ala Kulli Syay'in Qodiir.

“Tiada Tuhan selain Allah, yang Esa, tiada sekutu bagi-Nya.
Bagi-Nya kerajaan dan segala pujian. Dia menghidupkan dan
mematikan, dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

- Doa berlindung dari Neraka (Dibaca 3 kali. 7 kali
untuk Subuh & Maghrib)

Berjemaah:

اللَّهُمَّ أَجِرْنَا مِنَ النَّارِ.

Allahumma Ajirnaa Minan Naar.

“Ya Allah, selamatkanlah kami daripada api neraka.”

Berseorangan:

اللَّهُمَّ أَجِرْنِي مِنَ النَّارِ.

Allahumma Ajirni Minan Naar.

“Ya Allah, selamatkanlah aku daripada api neraka.”



◦ Membaca Ta'awwuz

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ .

A'udzu billahi minasy-syaithanir-rajiim.

“Aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang terkutuk.”

◦ Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ
﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

1. Bismillaahir Rohmaanir Rohiim. 2. Alhamdulillah Robbil 'Aalamiin. 3. Ar-Rohmaanir Rohiim. 4. Maaliki Yau Middiin 5. Iyyaaka Na'budu Waiyyaaka Nasta'iin. 6. Ihdinas Sirootol Mustaqiim. 7. Sirootol Laziina An'amta 'Alaihim Ghoril Maghdhubi 'Alaihim Waladh Dhooollin

1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.



6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”

◦ Surah Al-Baqarah, Ayat 163

وَالْهُكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ .

Wa Ilaahukum Ilaahuw Waahidul Laa Ilaaha Illaa Huwar Rohmaanur Rohiim.

“Dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Esa, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang.”

◦ Ayat Kursi

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ، لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ، مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ، يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ، وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ، وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ، وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

Allahu laa ilaaha illaa huwal hayyul qayyum, laa ta'khuzuhu sinatuw walaa naum, lahu maa fissaamaawaati wa maa fil ardh, man zallazii yashfa'u 'indahu illaa bi-iznihi, ya'lamu maa baina aidiihim wa maa khalfahum, wa laa yuhiituna bishai-im min 'ilmihi illaa bimaa shaa-a,



wasi'a kursiyyuhus samaawaati wal ardh, wa laa ya-uduhu hifzuhuma
wa huwal 'aliyyul 'azim.

“Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, lagi Maha Mengurus (sekalian makhluk-Nya). Tiada mengantuk dan tiada tidur bagi-Nya. Kepunyaan-Nya segala yang ada di langit dan di bumi. Tiada siapa yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya tanpa izin-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu-Nya kecuali dengan izin-Nya. Kursi-Nya meliputi langit dan bumi, dan tiada kesukaran bagi-Nya memelihara kedua-duanya. Dan Dia Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

◦ Surah Al-Baqarah, Ayat 284

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ وَإِنْ تُبْذَرُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ
تُخْفَوُهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ
وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾

Lillahi maa fis-samaawaati wa maa fil-ardh. Wa in tubduu maa fii
anfusikum aw tukhfuuhu yuhasibkum bihillah. Fa yaghfiru liman
yashaa-u wa yu'addhibu man yashaa-u, wallahu 'alaa kulli shai-in qadiir.

“Segala yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah. Jika kamu melahirkan apa yang ada dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, Allah tetap akan menghisab kamu mengenainya. Maka, Dia mengampuni sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyeksa sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”



◦ Surah Al-Baqarah, Ayat 285

ءَاَمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَا اُنْزِلَ اِلَيْهِ مِنْ رَّبِّهِ ۚ وَءَالْمُؤْمِنُوْنَ كُلٌّ ءَاَمَنَ بِاللّٰهِ
وَمَلٰئِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ اَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوْا
سَمِعْنَا وَاَطَعْنَا ۚ غُفْرٰنَكَ رَبَّنَا ۚ وَ اِلَيْكَ الْمَصِيْرُ ﴿٢٨٥﴾

Aamanar-rasuulu bimaa unzila ilaihi mir-rabbihi wal-mu'minuun, kullun
aamana billaahi wa malaa-ikatihi wa kutubihi wa rusulih, laa nufarriqu
baina ahadim-mir-rusulih, wa qaaluu sami'naa wa ata'naa ghufraanaka
rabbanaa wa ilaikal masiir.

“Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikat-Nya, dan Kitab-kitab-Nya, dan Rasul-rasul-Nya. (Mereka berkata): ‘Kami tidak membeza-bezakan antara seseorang dengan yang lain dari Rasul-rasul-Nya’. Mereka juga berkata: ‘Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunan-Mu ya Tuhan kami, dan kepada-Mu jualah tempat kembali.’”

◦ Surah Al-Baqarah, Ayat 286

لَا يُكَلِّفُ اللّٰهُ نَفْسًا ۭ اِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا
اَكْتَسَبَتْ ۚ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا اِنْ نَّسِيْنَا اَوْ اَخْطَاْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ
عَلَيْنَا اِصْرًا ۚ كَمَا حَمَلْتَهُ ۚ عَلٰى الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحْمِلْنَا مَا
لَا طٰقَةَ لَنَا بِهِ ۚ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا ۚ اَنْتَ مَوْلٰنَا

فَأَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Laa yukallifullahu nafsan illaa wus'ahaa, lahaa maa kasabat wa 'alaihaa maktasabat. Rabbanaa laa tu'aakhiznaa in-nasiinaa aw akhta'naa, rabbanaa wa laa tahmil 'alainaa isran kamaa hamaltahu 'alal-laziina min qablinaa, rabbanaa wa laa tuhammilnaa maa laa thaaqata lanaa bih, wa'fu 'anna, waghfir lanaa, warhamnaa, anta maulaanaa fansurnaa 'alal-qawmil kaafiriin.

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang dilakukannya. (Mereka berdoa dengan berkata): ‘Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.”

◉ Surah Ali-'Imran, Ayat 18

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا
بِالْقِسْطِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

Syahidallahu annahu laa ilaaha illaa huwa wal-malaa-ikatu wa ulul 'ilmi qaa-iman bil-qist, laa ilaaha illaa huwa al-'azizul hakim.



“Allah menyatakan bahawa tiada Tuhan melainkan Dia, begitu juga para malaikat dan orang-orang yang berilmu (mengakui kebenaran itu) sambil menegakkan keadilan. Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

◦ Surah Ali-'Imran, Ayat 19

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ۚ

Innad-diina 'indallahi al-islam.

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.”

◦ Surah Ali-'Imran, Ayat 26

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ
تَشَاءُ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ

Qulillaahumma maalikal-mulki tu'til-mulka man tashaa-u wa
tanzi'ul-mulka mimman tashaa-u, wa tu'izzu man tashaa-u wa tuzillu
man tashaa-u, biyadikal-khair, innaka 'alaa kulli syai-in qadiir.

“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkau berikan kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau cabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan sesiapa yang Engkau kehendaki, dan Engkau hinakan



sesiapa yang Engkau kehendaki. Di tangan-Mu segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

◦ Surah Ali-'Imran, Ayat 27

تُولِجُ اللَّيْلَ فِي النَّهَارِ وَتُولِجُ النَّهَارَ فِي اللَّيْلِ وَتُخْرِجُ الْحَيَّ مِنَ الْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ الْمَيِّتَ مِنَ الْحَيِّ وَتَرْزُقُ مَنْ تَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾

Tulijul-laila fin-nahaari wa tulijun-nahaara fil-lail, wa tukhrijul-hayya minal-mayyiti wa tukhrijul-mayyita minal-hayy, wa tarzuqu man tashaa-u bighairi hisaab.

“Engkau masukkan malam ke dalam siang, dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup daripada yang mati, dan Engkau keluarkan yang mati daripada yang hidup. Dan Engkau beri rezeki kepada sesiapa yang Engkau kehendaki tanpa hisab (batasan).”

◦ Surah Al-Ikhlâs

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ اللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ﴿٣﴾
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ﴿٤﴾

Bismillahir-rahmanir-rahim. 1. Qul huwallahu ahad. 2. Allahu somad. 3. Lam yalid wa lam yulad. 4. Wa lam yakullahu kufuwan ahad.



“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tiada beranak, dan Dia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapaupun yang setara dengan-Nya.”

◦ Surah Al-Falaq

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ① مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ② وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ
إِذَا وَقَبَ ③ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ④
وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ⑤

Bismillahir-rahmanir-rahim.

1. Qul a'udzu birabbil-falaq. 2. Min syarri ma khalaq. 3. Wa min syarri ghasiqin idza waqab. 4. Wa min syarrin-naffatsati fil-'uqad. 5. Wa min syarri hasidin idza hasad.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menguasai waktu subuh (fajar). Daripada bencana makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dan daripada bahaya gelap apabila ia masuk. Dan daripada kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus pada simpulan-simpulan (dan melakukan sihir). Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia melaksanakan dengkingnya.”



◦ Surah An-Nas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ①
مَلِكِ النَّاسِ ② إِلَهِ النَّاسِ ③
مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ④
الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ⑤
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ⑥

Bismillahir-rahmanir-rahim

1. Qul a'udzu birabbin-nas. 2. Malikin-nas. 3. Ilahin-nas. 4. Min syarril-waswasil-khannas. 5. Alladzi yuwaswisu fi sudurin-nas. 6. Minal-jinnati wan-nas.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Yang Memiliki (hak untuk disembah oleh) sekalian manusia. Daripada kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam. Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia. (Bisikan dan hasutan) daripada jin dan manusia.”



◦ Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ۝ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ۝

1. Bismillaahir Rohmaanir Rohiim. 2. Alhamdulillaahi Robbil ‘Aalamiin. 3. Ar-Rohmaanir Rohiim. 4. Maaliki Yau Middiin 5. Iyyaaka Na’budu Waiyyaaka Nasta’iin. 6. Ihdinas Sirootol Mustaqiim. 7. Sirootol Laziina An’amta ‘Alaihim Ghoril Maghdhubi ‘Alaihim Waladh Dhooliin

1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”



- Tasbih (33 kali)

Dimulakan dengan bacaan (1 kali):

Berjemaah:

إِلَهَنَا يَا رَبَّنَا - سُبْحَانَ اللَّهِ .

Ilallahana Yaa Robbana - Subhanallah.

Berseorangan:

إِلَهِي يَا رَبِّي - سُبْحَانَ اللَّهِ .

Ilalahi Yaa Robbi - Subhanallah.

سُبْحَانَ اللَّهِ

Subhanallah.

“Maha Suci Allah”

- Tahmid (33 kali)

Dimulakan dengan bacaan (1 kali):

Berjemaah:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ دَائِمًا قَائِمًا أَبَدًا - الْحَمْدُ لِلَّهِ .

Subhanallahhi Wabihamdihi Daaiman Qaaiman Abadan Alhamdulillah.

“Maha Suci Allah dan segala pujian bagi-Nya, selamanya dan selama-lamanya.”



الْحَمْدُ لِلَّهِ

Alhamdulillah

“Segala pujian hanya milik Allah”

- Takbir (33 kali)

Dimulakan dengan bacaan (1 kali):

Berjemaah:

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ عَلَى كُلِّ حَالٍ وَنِعْمَةٍ .

Alhamdu lillahi rabbil ‘alamin ‘ala kulli halin wa ni’mah.

“Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, atas setiap keadaan dan nikmat – Allah Maha Besar.”

اللَّهُ أَكْبَرُ

Allahuakbar

“Allah Maha Besar”



◉ Penutup Zikir

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً
وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ،
يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ .
أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ .

Allahu akbaru kabira, walhamdu lillahi kathira, wa subhanallahi bukratan
wa asila. Laa ilaaha illallahu wahdahu laa syarikalah, lahul mulku wa
lahul hamdu, yuhyi wa yumitu, wa huwa 'ala kulli syai'in qadir, wa ilaihil
mashir. Wa laa hawla wa laa quwwata illa billahil 'aliyyil 'azim.
Astaghfirullahal 'azim.

“Allah Maha Besar, sebesar-besarnya. Segala puji bagi Allah
sebanyak-banyaknya. Maha Suci Allah pada waktu pagi dan
petang, Tiada Tuhan melainkan Allah, yang Esa. Kepunyaan-Nya
kerajaan dan segala pujian. Dia menghidupkan dan mematikan,
dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu. Kepada-Nyalah
tempat kembali. Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan
pertolongan Allah, Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Aku
memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung.”

Setelah selesai membaca wirid, luangkan masa untuk berdoa
kepada Allah SWT. Waktu selepas solat fardhu merupakan salah
satu saat yang mustajab untuk berdoa. Oleh itu, panjatkanlah
doa sesuai dengan keperluan dan hajat anda, atau bacalah
doa-doa yang disediakan dalam bahagian seterusnya sebagai
panduan. Jadikan doa ini sebagai penghubung yang lebih erat
antara anda dengan Allah, penuh harapan dan keikhlasan.



﴾ BAB 5 ﴿

Doa Selepas Solat

Bab 5 • Doa Selepas Solat

Secara umumnya, terdapat pelbagai doa yang boleh diamalkan selepas solat. Namun, bagi memudahkan pembaca, buku ini menyenaraikan beberapa pilihan doa yang sesuai untuk diamalkan. Doa-doa ini dipilih berdasarkan kesesuaian dan kemudahan untuk dihafal, agar dapat diamalkan dengan konsisten dalam kehidupan seharian.

• Doa Selepas Solat - 1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ . اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ
مِنَّا صَلَاتَنَا وَدُعَاءَنَا، إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ
أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ . اللَّهُمَّ اجْعَلْ دِينَنَا دِينَ النَّبِيِّ مُحَمَّدٍ ﷺ،
وَإِسْلَامَنَا إِسْلَامَ الْمُسْلِمِينَ وَإِيمَانَنَا إِيْمَانَ الْمُؤْمِنِينَ، وَصَلَاتَنَا
صَلَاةَ الْخَاشِعِينَ . وَأَعْمَالَنَا أَعْمَالَ الصَّالِحِينَ، وَنِيَّتَنَا نِيَّةَ
الْمُخْلِصِينَ، وَذُنُوبَنَا يَا اللَّهُ ذُنُوبَ الْمُسْتَغْفِرِينَ . وَحَيَاتَنَا حَيَاةَ
الْعُلَمَاءِ، وَمَوْتَنَا بِمَوْتِ الشُّهَدَاءِ، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَنْبِيَاءِ

عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ، رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Alhamdu Lillahi Rabbil-‘Alamin, Was-Salatu Was-Salamu ‘Ala Ashrafil-Anbiya’i Wal-Mursalin, Sayyidina Muhammadin Wa ‘Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma’in. Allahumma Taqabbal Minna Salatana Wa Du’a’ana, Innaka Antas-Sami’ul-‘Alim, Wa Tub ‘Alayna, Innaka Antat-Tawwabur-Rahim. Allahumma Aj’al Dinana Dinan-Nabiyyi Muhammadin ﷺ, Wa Islamana Islama-l-Muslimin, Wa Imanana Imanal-Mu’minin, Wa Salatana Salatal-Khashi’in. Wa A’malana A’malas-Salihin, Wa Niyyatana Niyyatal-Mukhlisin, Wa Dhunubana Ya Allahu Dhunubal-Mustaghfirin. Wa Hayatana Hayatal-‘Ulama’, Wa Mawtana Bimawtish-Shuhada’, Wa Adkhilnal-Jannata Ma’al-Anbiya’ ‘Alayhimus-Salatu Was-Salam. Rabbana Atina Fid-Dunya Hasana, Wa Fil-Akhirati Hasana, Wa Qina ‘Adhaban-Nar, Wasallallahu ‘Ala Khayri Khalqihi Sayyidina Muhammadin Wa ‘Ala Alihi Wa Sahbihi Wasallam, Subhana Rabbika Rabbil-Izzati ‘Amma Yasifun, Wa Salamun ‘Alal-Mursalin, Wal-Hamdu Lillahi Rabbil-‘Alamin.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, yang paling mulia di antara para nabi dan rasul, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya. Ya Allah, terimalah solat dan doa kami. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui, dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkau Maha Penerima taubat lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, jadikanlah agama kami seperti agama Nabi Muhammad ﷺ, Islam kami seperti Islam orang Muslimin, dan iman kami seperti iman orang Mukminin, serta solat kami seperti solat orang-orang yang khusyuk. Jadikanlah amalan kami amalan yang soleh, niat kami niat yang ikhlas, dan dosa-dosa kami termasuk dosa-dosa



orang yang memohon ampun kepada-Mu. Hidupkanlah kami seperti kehidupan para ulama, matikanlah kami dengan mati syahid, dan masukkanlah kami ke dalam surga bersama para nabi, ke atas mereka selawat dan salam. Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab api neraka. Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas sebaik-baik makhluk-Nya, junjungan kami Nabi Muhammad, ahli keluarga dan sahabat Baginda. Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang memiliki keagungan, daripada apa yang mereka sifatkan. Selamat sejahtera ke atas sekalian rasul, dan segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”

◦ Doa Selepas Solat - 2

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ سَلَامَةً فِي الدِّينِ، وَعَافِيَةً فِي
الْجَسَدِ، وَزِيَادَةً فِي الْعِلْمِ، وَبَرَكَاتٍ فِي الرِّزْقِ، وَتَوْبَةً قَبْلَ الْمَوْتِ،
وَرَحْمَةً عِنْدَ الْمَوْتِ، وَمَغْفِرَةً بَعْدَ الْمَوْتِ . اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا فِي
سَكَرَاتِ الْمَوْتِ، وَالنَّجَاةِ مِنَ النَّارِ، وَالْعَفْوَ عِنْدَ الْحِسَابِ . رَبَّنَا لَا
تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا، وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً، إِنَّكَ أَنْتَ
الْوَهَّابُ . اللَّهُمَّ أَحْيِنَا بِالْإِيمَانِ، وَأَمِتْنَا بِالْإِيمَانِ، وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ
مَعَ الْإِيمَانِ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا، وَلِوَالِدَيْنَا، وَارْحَمْهُمَا كَمَا



رَبِّانَا صَغِيرًا . اللَّهُمَّ اخْتِمْ لَنَا بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ، وَلَا تَخْتِمْ عَلَيْنَا
 بِسُوءِ الْخَاتِمَةِ . رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
 عَذَابَ النَّارِ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
 وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Alhamdu Lillahi Rabbil-'Alamin, Was-Salatu Was-Salamu 'Ala Sayyidina
 Muhammadin Wa 'Ala Alihi Wa Sahbihi Ajma'in. Allahumma Inna
 Nas'aluka Salamatan Fiddin, Wa 'Afiyatan Fil-Jasad, Wa Ziyadatan
 Fil-'Ilm, Wa Barakatan Fir-Rizq, Wa Tawbatan Qablal-Mawt, Wa
 Rahmatan 'Indal-Mawt, Wa Maghfiratan Ba'dal-Mawt. Allahumma
 Hawwin 'Alayna Fi Sakaratil-Mawt, Wan-Najata Minan-Nar, Wal-Afwa
 'Indal-Hisab. Rabbana La Tuzigh Qulubana Ba'da Idh Hadaytana,
 Wahab Lana Min Ladunka Rahmatan, Innaka Antal-Wahhab.
 Allahumma Ahyina Bil-Iman, Wa Amitna Bil-Iman, Wa Adkhilnal-Jannata
 Ma'al-Iman. Allahummaghfir Lana Dhunubana, Wa Liwalidayna,
 Warhamhuma Kama Rabbayana Saghira. Allahummakhtim Lana
 Bi-Husnil-Khatimah, Wa La Takhtim 'Alayna Bi-Su'il-Khatimah. Rabbana
 Atina Fid-Dunya Hasana, Wa Fil-Akhirati Hasana, Wa Qina
 'Adhaban-Nar. Wasallallahu 'Ala Sayyidina Muhammadin Wa 'Ala Alihi
 Wa Sahbihi Wasallam, Wal-Hamdu Lillahi Rabbil-'Alamin.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha
 Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Selawat
 dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, serta ke
 atas ahli keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya. Ya Allah,
 kami memohon keselamatan dalam agama, kesihatan tubuh
 badan, tambahan ilmu, keberkatan rezeki, taubat sebelum mati,
 rahmat ketika mati, dan keampunan setelah mati. Ya Allah,
 permudahkanlah kami dalam menghadapi sakaratul maut,
 selamatkanlah kami daripada api neraka, dan kemaafan semasa



perhitungan amal. Wahai Tuhan kami, janganlah Engkau pesongkan hati kami setelah Engkau berikan petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau Maha Pemberi. Ya Allah, hiduskanlah kami dengan iman, matikanlah kami dengan iman, dan masukkanlah kami ke dalam syurga bersama iman. Ya Allah, ampunilah dosa-dosa kami, ibu bapa kami, dan kasihanilah mereka sebagaimana mereka mengasihani kami sewaktu kecil. Ya Allah, akhirilah hidup kami dengan kesudahan yang baik, dan janganlah akhiri hidup kami dengan kesudahan yang buruk. Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab api neraka. Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”

◉ Doa Selepas Solat - 3

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا . اللَّهُمَّ
زَيِّنَا بِزِينَةِ الْإِيمَانِ، وَاجْعَلْنَا هُدَاةً مُهْتَدِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنْ
خَيْرِ مَا سَأَلَكَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ
مَا اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَنَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ ﷺ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ
الْجَنَّةَ وَمَا قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ وَمَا
قَرَّبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ أَوْ عَمَلٍ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَجْعَلَ كُلَّ قَضَاءٍ



قَضَيْتُهُ لَنَا خَيْرًا . اللَّهُمَّ أَعِنَّا عَلَى ذِكْرِكَ، وَشُكْرِكَ، وَحُسْنِ
عِبَادَتِكَ . رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Allahumma inni as'aluka 'ilman nafi'an, wa rizqan tayyiban, wa 'amalan mutaqqabalan. Allahumma zayyinna bi zinatil-iman, waj'alna hudatan muhtadin. Allahumma inna nas'aluka min khairi ma sa'alaka minhu 'abduka wa nabiiyyuka Muhammad ﷺ, wa na'udzu bika min syarri ma ista'adzaka minhu 'abduka wa nabiiyyuka Muhammad ﷺ. Allahumma inna nas'aluka al-jannata wa ma qarraba ilaiha min qawlin aw 'amal, wa na'udzu bika minan-nari wa ma qarraba ilaiha min qawlin aw 'amal. Allahumma inna nas'aluka an taj'ala kulla qada-in qadhaitahu lana khaira. Allahumma a'inna 'ala dzikrika wa syukrika wa husni 'ibadatik. Rabbana atina fid-dunya hasana, wa fil-akhirati hasana, wa qina 'adhaban-nar. Wasallallahu 'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in, walhamdu lillahi Rabbil-'Alamin.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik, dan amalan yang diterima. Ya Allah, hiasilah kami dengan perhiasan iman, dan jadikanlah kami petunjuk yang mendapat petunjuk. Ya Allah, kami memohon kepada-Mu kebaikan seperti yang dipohon oleh hamba-Mu dan Nabi-Mu, Muhammad ﷺ, dan kami berlindung kepada-Mu daripada kejahatan seperti yang dimohon perlindungan oleh hamba-Mu dan Nabi-Mu, Muhammad ﷺ. Ya Allah, kami memohon kepada-Mu syurga, dan apa sahaja yang mendekatkan kami kepadanya sama ada melalui perkataan atau perbuatan, dan kami berlindung kepada-Mu daripada



neraka, dan apa sahaja yang mendekatkan kami kepadanya sama ada melalui perkataan atau perbuatan. Ya Allah, kami memohon kepada-Mu agar setiap ketetapan yang Engkau takdirkan untuk kami adalah sesuatu yang baik. Ya Allah, bantulah kami untuk mengingati-Mu, bersyukur kepada-Mu, dan memperbaiki ibadah kami kepada-Mu. Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab api neraka. Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”

◦ Doa Selepas Solat - 4

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ اجْعَلْ أَوْسَعَ رِزْقِكَ عَلَيَّ عِنْدَ كِبَرِ سِنِّي، وَانْقِطَاعِ عُمْرِي.
اللَّهُمَّ لَا تَدْعُ لِي ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا فَرَجْتَهُ، وَلَا دَيْنًا إِلَّا
قَضَيْتَهُ وَلَا حَاجَةً مِنْ حَوَائِجِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ هِيَ لَكَ رِضًا إِلَّا
قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِمَّنْ تُدْرِكُهُمُ الرَّحْمَةُ
وَالْمَغْفِرَةُ وَالْعِتْقُ مِنَ النَّارِ . رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالِدَيَّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ
يَقُومُ الْحِسَابُ . اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ عُمْرِي آخِرَهُ، وَخَيْرَ عَمَلِي
خَوَاتِيمَهُ وَخَيْرَ أَيَّامِي يَوْمَ أَلْقَاكَ فِيهِ . وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Allahumma aj'al aws'a rizqika 'alayya 'inda kibari sinni wa inqita'i 'umri. Allahumma la tadda' li dzanban illa ghafartahu, wa la hamman illa farrajtahu, wa la dayan illa qadhaytahu, wa la hajatan min hawaa'iji-d-dunya wal-akhirati hiya laka ridan illa qadhaytaha, ya arhamar-rahimin. Allahumma aj'alna mimman tudrikuhumu-r-rahmatu wal-maghfirah, wal-'itqu minan-nar. Rabbana-ghfir li wa liwalidayya walil-mu'minina yawma yaqum-ul-hisab. Allahumma aj'al khaira 'umri akhirahu, wa khaira 'amali khawatimahu, wa khaira ayyami yawma alqaka fihi. Wasallallahu 'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi wasallam, walhamdu lillahi Rabbil-'Alamin.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, jadikanlah rezeki-Mu yang paling luas kepada aku pada usia tuaku dan penghujung hayatku. Ya Allah, janganlah Engkau biarkan satu dosaku melainkan Engkau mengampuninya, satu kesusahanku melainkan Engkau melegakannya, satu hutangku melainkan Engkau melunaskannya, dan satu keperluan dari keperluan dunia dan akhirat yang Engkau redai melainkan Engkau tunaikannya, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih daripada segala yang pengasih. Ya Allah, jadikanlah kami termasuk dalam golongan yang memperoleh rahmat, keampunan, dan pembebasan daripada api neraka. Wahai Tuhan kami, ampunilah aku, kedua ibu bapakku, dan sekalian orang yang beriman pada hari terjadinya perhitungan. Ya Allah, jadikanlah sebaik-baik umurku adalah pada penghujungnya, sebaik-baik amalku pada penutupnya, dan sebaik-baik hariku adalah pada hari aku bertemu dengan-Mu. Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ، وَالْمُعَافَاةَ الدَّائِمَةَ فِي الدِّينِ
وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِمَّنْ تُحِبُّهُمْ وَتَرْضَى عَنْهُمْ، وَتَجْعَلَ
لَهُمُ الْجَنَّةَ مَثْوًى لَهُمْ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنَ
الصَّابِرِينَ فِي الْبَلَاءِ، وَالشَّاكِرِينَ فِي النِّعَمَاءِ، وَالذَّاكِرِينَ فِي السَّرَّاءِ
وَالضَّرَّاءِ. اللَّهُمَّ اخْتِمْ بِصَالِحَاتِ أَعْمَالِنَا، وَاجْعَلْ خَيْرَ أَعْمَالِنَا
خَوَاتِيمَهَا، وَاجْعَلْ خَيْرَ أَيَّامِنَا يَوْمَ نَلْقَاكَ فِيهِ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Allahumma inni as'aluka al-'afwa wal-'afiyah, wal-mu'afata ad-da'imah
fid-dini wa ad-dunya wal-akhirah. Allahumma aj'alna mimman
tuhibbuhum wa tardha 'anhum, wa taj'alu lahum al-jannata mathwan
lahum, ya arhamar-rahimin. Allahumma aj'alna minash-shabirina
fil-bala', wash-shakirin fin-ni'ma', wadh-dhakirina fis-sarra'i
wadh-dharra'. Allahumma akhtim bis-salihat a'malana, waj'al khaira
a'malina khawatimaha, waj'al khaira ayyamina yawma nalqaka fihi.
Rabbana atina fid-dunya hasana, wa fil-akhirati hasana, wa qina
'adhaban-nar. Wasallallahu 'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa
sahbihi ajma'in, walhamdu lillahi Rabbil-'Alamin.



“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu keampunan dan kesejahteraan, serta keselamatan yang berterusan dalam agama, dunia, dan akhirat. Ya Allah, jadikanlah kami termasuk dalam golongan yang Engkau kasihi dan Engkau redai, dan jadikanlah syurga sebagai tempat tinggal mereka, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih daripada segala yang pengasih. Ya Allah, jadikanlah kami daripada kalangan orang-orang yang sabar dalam ujian, bersyukur atas nikmat, dan sentiasa mengingati-Mu dalam keadaan senang atau susah. Ya Allah, akhirilah amal perbuatan kami dengan kebaikan, jadikanlah sebaik-baik amalan kami pada penutupnya, dan jadikanlah sebaik-baik hari kami adalah pada hari kami bertemu dengan-Mu. Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab api neraka. Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”

◦ Doa Selepas Solat - 6

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ تَمَامَ النِّعْمَةِ، وَدَوَامَ الْعَافِيَةِ، وَحُسْنَ الْخَاتِمَةِ .
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ، وَفُجَاءَةِ
نِقْمَتِكَ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فِي حِفْظِكَ وَرِعَايَتِكَ،
وَاجْعَلْنَا مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ، وَأَدْخِلْنَا فِي رَحْمَتِكَ، وَاغْفِرْ لَنَا
ذُنُوبَنَا . اللَّهُمَّ اجْعَلْ خَيْرَ أَعْمَالِنَا خَوَاتِيمَهَا، وَاجْعَلْ خَيْرَ أَيَّامِنَا



يَوْمَ نَلْقَاكَ فِيهِ . وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Allahumma inni as'aluka tamamen-ni'mah, wa dawamal-'afiyah, wa husnal-khatimah. Allahumma inni a'udzu bika min zawali ni'matika, wa tahawwuli 'afiyatika, wa fuja'ati niqmatika, wa jami'i sakhatika. Allahumma aj'alna fi hifdzika wa ri'ayatika, wa aj'alna min 'ibadikas-salihin, wa adkhillna fi rahmatika, waghfir lana dhunubana. Allahumma aj'al khaira a'malina khawatimaha, wa aj'al khaira ayyamina yawma nalqaka fihi. Wasallallahu 'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi wasallam, walhamdu lillahi Rabbil-'Alamin.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, aku memohon kepada-Mu nikmat yang sempurna, kesejahteraan yang berkekalan, dan kesudahan yang baik. Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu daripada hilangnya nikmat-Mu, berubahnya kesejahteraan-Mu, datangnya azab-Mu secara tiba-tiba, dan segala kemurkaan-Mu. Ya Allah, masukkanlah kami dalam peliharaan dan penjagaan-Mu, jadikanlah kami daripada kalangan hamba-hamba-Mu yang soleh, masukkanlah kami ke dalam rahmat-Mu, dan ampunilah dosa-dosa kami. Ya Allah, jadikanlah sebaik-baik amalan kami pada penutupnya, dan jadikanlah sebaik-baik hari kami adalah pada hari kami bertemu dengan-Mu. Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”



◉ Doa Selepas Solat - 7

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
اللَّهُمَّ أَعِنَّا عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَتِكَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا
مِمَّنْ تُحِبُّهُمْ وَتَرْضَى عَنْهُمْ، وَتَجْعَلْ لَهُمُ الْجَنَّةَ مَثْوًى لَهُمْ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِنَ الْمُحْسِنِينَ، وَاجْعَلْنَا مِنَ الصَّابِرِينَ،
وَاجْعَلْنَا مِنَ الشَّاكِرِينَ، وَاجْعَلْنَا مِنَ الْمُتَّقِينَ، وَاجْعَلْنَا مِنَ
الْحَاشِعِينَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِمَّنْ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ، وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ،
وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ، وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ، وَيُحَافِظُونَ عَلَى
حُدُودِكَ، وَيَتَّبِعُونَ شَرِيعَتَكَ . رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي
الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ . وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Allahumma a'inna 'ala dzikrika wa syukrika wa husni 'ibadatik.
Allahumma aj'alna mimman tuhibbuhum wa tardha 'anhum, wa taj'alu
lahum al-jannata mathwan lahum, ya arhamar-rahimin. Allahumma
aj'alna minal-muhsinin, wa aj'alna minas-shabirin, wa aj'alna
minash-shakirin, wa aj'alna minal-muttaqin, wa aj'alna minal-khashi'in.
Allahumma aj'alna mimman yuqimunas-salata, wa yu'tunas-zakata, wa
ya'muruna bil-ma'ruf, wa yanhauna 'anil-munkar, wa yuhafizuna 'ala
hududika, wa yattabi'una syari'ataka. Rabbana atina fid-dunya hasana,
wa fil-akhirati hasana, wa qina 'adhaban-nar. Wasallallahu 'ala
Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in, walhamdu
lillahi Rabbil-'Alamin.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, bantulah kami untuk mengingat-Mu, bersyukur kepada-Mu, dan memperbaiki ibadah kami kepada-Mu. Ya Allah, jadikanlah kami termasuk dalam golongan yang Engkau kasihi dan Engkau redai, dan jadikanlah syurga sebagai tempat tinggal mereka, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih daripada segala yang pengasih. Ya Allah, jadikanlah kami daripada kalangan orang-orang yang berbuat kebaikan, orang-orang yang sabar, orang-orang yang bersyukur, orang-orang yang bertakwa, dan orang-orang yang khusyuk. Ya Allah, jadikanlah kami daripada kalangan orang yang mendirikan solat, menunaikan zakat, menyuruh kepada kebaikan, mencegah kemungkaran, menjaga batas-batas-Mu, dan mengikuti syariat-Mu. Wahai Tuhan kami, kurniakanlah kepada kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami daripada azab api neraka. Semoga Allah mencurahkan selawat dan salam ke atas junjungan kami, Nabi Muhammad, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”



﴾ BAB 6 ﴿

Doa Selepas Solat Khusus

Bab 6 • Doa Selepas Solat Khusus

Setiap solat yang dianjurkan dalam Islam mempunyai keunikan tersendiri, termasuk solat-solat khusus seperti Dhuha, Tahajjud, Witir, dan lain-lain. Selain melengkapkan ibadah solat itu sendiri, doa yang dilafazkan selepas solat ini memberikan dimensi tambahan dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT. Doa selepas solat-solat khusus bukan sekadar satu bentuk permohonan, tetapi juga cerminan hubungan yang lebih mendalam antara seorang hamba dengan Tuhannya.

• Doa Selepas Solat Sunat Tahajjud

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ قَيِّمُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ
الْحَمْدُ أَنْتَ مَلِكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ
أَنْتَ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ فِيهِنَّ، وَلَكَ الْحَمْدُ أَنْتَ الْحَقُّ،
وَوَعْدُكَ الْحَقُّ، وَقَوْلُكَ الْحَقُّ، وَلِقَاؤُكَ حَقٌّ، وَالْجَنَّةُ حَقٌّ، وَالنَّارُ
حَقٌّ، وَالنَّبِيُّونَ حَقٌّ، وَ مُحَمَّدٌ ﷺ حَقٌّ، وَالسَّاعَةُ حَقٌّ

اللَّهُمَّ لَكَ أَسْلَمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ، وَإِلَيْكَ أُنَبِّئُ،

وَبِكَ خَاصَمْتُ، وَإِلَيْكَ حَاكَمْتُ، فَاعْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ،
وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ

Allahumma lakal-hamdu anta qayyimus-samawati wal-ardi wa man fiihinna, walakal-hamdu anta malikus-samawati wal-ardi wa man fiihinna, walakal-hamdu anta nurus-samawati wal-ardi wa man fiihinna, walakal-hamdu anta-l-haqq, wa wa'dukal-haqq, wa qawluka-l-haqq, wa liqa'uka haqq, wal-jannatu haqq, wan-naru haqq, wan-nabiyyuna haqq, wa Muhammadu ﷺ haqq, was-sa'atu haqq.

Allahumma laka aslamtu, wa bika amantu, wa 'alayka tawakkaltu, wa ilayka anabtu, wa bika khasamtu, wa ilayka hakamtu. Faghfir li ma qaddamtu wa ma akhkhartu, wa ma asrartu wa ma a'lantu, antal-muqaddimu wa anta-l-mu'akhhiru, la ilaha illa anta.

“Ya Allah, bagi-Mu segala puji. Engkaulah Pemelihara langit dan bumi serta segala isinya. Bagi-Mu segala puji. Engkaulah Penguasa langit dan bumi serta segala isinya. Bagi-Mu segala puji. Engkaulah Cahaya langit dan bumi serta segala isinya. Bagi-Mu segala puji. Engkaulah yang Haq, janji-Mu adalah haq, firman-Mu adalah haq, pertemuan dengan-Mu adalah haq, syurga adalah haq, neraka adalah haq, para nabi adalah haq, Muhammad ﷺ adalah haq, dan kiamat adalah haq.

Ya Allah, kepada-Mu aku berserah, kepada-Mu aku beriman, kepada-Mu aku bertawakal, kepada-Mu aku kembali, dengan-Mu aku berjuang, dan kepada-Mu aku berhukum. Maka ampunilah dosaku yang telah lalu dan yang akan datang, yang aku sembunyikan dan yang aku nyatakan. Engkaulah yang Maha Mendahului dan Engkaulah yang Maha Mengakhirkan. Tiada Tuhan selain Engkau.”



◉ Doa Selepas Solat Sunat Dhuha

اللَّهُمَّ إِنَّ الضُّحَاءَ ضُحَاؤُكَ، وَالْبَهَاءَ بَهَاؤُكَ، وَالْجَمَالَ جَمَالُكَ،
وَالْقُوَّةَ قُوَّتُكَ، وَالْقُدْرَةَ قُدْرَتُكَ، وَالْعِصْمَةَ عِصْمَتُكَ . اللَّهُمَّ
إِنْ كَانَ رِزْقِي فِي السَّمَاءِ فَأَنْزِلْهُ، وَإِنْ كَانَ فِي الْأَرْضِ فَأَخْرِجْهُ،
وَإِنْ كَانَ مُعْسِرًا فَيَسِّرْهُ، وَإِنْ كَانَ حَرَامًا فَطَهِّرْهُ، وَإِنْ كَانَ
بَعِيدًا فَقَرِّبْهُ، بِحَقِّ ضُحَايِكَ وَبَهَائِكَ وَجَمَالِكَ وَقُوَّتِكَ
وَقُدْرَتِكَ، آتِنِي مَا أَتَيْتَ مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

Allahumma innad-dhuha a dhuha u ka, wal-baha a bahaa'uka,
wal-jamaala jamaaluka, wal-quwwata quwwatuka, wal-qudrata
qudratuka, wal-'ismata 'ismatuka.

Allahumma in kaana rizqi fis-sama'i fa-anzilhu, wa in kaana fil-ardhi
fa-akhrijhu, wa in kaana mu'assiran fa-yassirhu, wa in kaana haraaman
fa-tahhirhu, wa in kaana ba'idan fa-qarribhu, bihaqqi dhuha'ika wa
bahaa'ika wa jamaalika wa quwwatika wa qudratika, atini ma ataita
min 'ibaadakas-salihin.wa qina 'adhaban-nar. Wasallallahu 'ala
Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in, walhamdu
lillahi Rabbil-'Alamin.

“Ya Allah, sesungguhnya waktu Dhuha itu Dhuha-Mu, keindahannya keindahan-Mu, kecantikannya kecantikan-Mu, kekuatannya kekuatan-Mu, kekuasaannya kekuasaan-Mu, dan perlindungannya perlindungan-Mu.

Ya Allah, jika rezeki masih di langit, turunkanlah. Jika di bumi, keluarkanlah. Jika sukar, permudahkanlah. Jika haram, sucikanlah. Dan jika jauh, dekatkanlah. Dengan keberkatan waktu



Dhuha-Mu, keindahan-Mu, kecantikan-Mu, kekuatan-Mu, dan kekuasaan-Mu, kurniakanlah kepadaku segala yang Engkau telah kurniakan kepada hamba-hamba-Mu yang soleh.”

◦ Doa Selepas Solat Hari Raya Aidilfitri

اللَّهُمَّ أَعْطِنِي خَيْرَ هَذَا الْيَوْمِ وَخَيْرَ مَا فِيهِ، وَاصْرِفْ عَنِّي شَرَّهُ
وَشَرَّ مَا فِيهِ . اللَّهُمَّ اكْتُبْ لِي فِيهِ كُلَّ خَيْرٍ، وَاجْعَلْنِي بَارًّا فِيهِ
بِوَالِدَيْ، وَاجْعَلْنِي يَا اللَّهُ مِنْ عِبَادِكَ الْمَغْفُورِ لَهُمْ فِي هَذَا الْيَوْمِ
الْمُبَارَكِ . اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ . اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ مِنَّا
الطَّاعَاتِ، وَاغْفِرْ لَنَا الْخَطَايَا وَالسَّيِّئَاتِ

Allahumma a'thini khaira hadza al-yaum wa khaira ma fihi, wasrif 'anni syarrahu wa syarra ma fihi. Allahumma uktub li fihi kulla khairin, waj'alni barran fihi bi walidayya, waj'alni ya Allahu min 'ibadika al-maghfur lahum fi hadza al-yaum al-mubarak. Allahummarham mautana wa mauta al-muslimin. Allahumma taqabbal minna ath-tha'ati, waghfir lana al-khathaya was-sayyi'at.

“Ya Allah, berikanlah kepadaku kebaikan pada hari ini dan kebaikan segala yang ada padanya, dan jauhkanlah daripadaku kejahatan hari ini dan kejahatan segala yang ada padanya. Ya Allah, tetapkanlah untukku segala kebaikan pada hari ini, dan jadikanlah aku anak yang berbakti kepada kedua ibu bapaku. Jadikanlah aku, ya Allah, daripada hamba-hamba-Mu yang diampuni pada hari yang penuh berkat ini. Ya Allah, rahmatilah orang-orang yang telah meninggal dunia dari kalangan kami dan kaum Muslimin. Ya Allah, terimalah daripada kami segala



ketaatan, dan ampunilah kesalahan serta dosa-dosa kami.”

◦ Doa Selepas Solat Hari Raya Aidiladha

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا، وَذَنْبًا مَغْفُورًا، وَسَعْيًا مَشْكُورًا، وَعَمَلًا
صَالِحًا مَقْبُولًا، وَتِجَارَةً لَنْ تَبُورَ، يَا عَلِيمُ يَا قَيُّومُ، يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ . اللَّهُمَّ ارْزُقْنَا حِجَّ بَيْتِكَ الْحَرَامِ، فِي عَامِنَا هَذَا وَفِي كُلِّ
عَامٍ، مَا أَبْقَيْتَنَا فِي يُسْرِ مِنْكَ وَعَافِيَةٍ، وَسَلَامَةٍ وَسَعَةٍ رِزْقٍ، وَارْزُقْنَا
الْعَمَلَ الصَّالِحَ الْمَقْبُولَ، وَاجْمَعْ لَنَا بَيْنَ خَيْرِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، إِنَّكَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ . اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ . وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Allahumma aj'alhu hajjan mabruran, wa zanban maghfuran, wa sa'yan masykuran, wa 'amalan salihan maqbulan, wa tijaratan lan tabur, ya 'Alimu ya Qayyum, ya Dzal Jalali wal Ikram.

Allahummarzuqna hajja baitikal haram, fi 'amina hadza wa fi kulli 'am, ma abqaitana fi yusrin minka wa 'afiyah, wa salamah wa sa'ati rizq, warzuqnal 'amala salihal maqbul, wajma' lana bayna khayrayid dunya wal akhirah, innaka 'ala kulli shay'in qadir. Allahummaghfir lil muslimina wal muslimat, wal mu'minina wal mu'minat, al-ahya'i minhum wal amwat, innaka sami'un qaribun mujibud da'awat. Wa sallallahu 'ala sayyidina Muhammad, wa 'ala alihi wa sahbihi wa sallam,



“Ya Allah, jadikanlah ibadah haji ini sebagai haji yang mabrur, dosa yang diampuni, usaha yang diterima, amal yang salih dan diterima, serta perniagaan yang tidak merugi. Wahai Yang Maha Mengetahui, Yang Maha Hidup, Wahai Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan. Ya Allah, kurniakanlah kami rezeki untuk menunaikan haji ke Baitullah al-Haram pada tahun ini dan setiap tahun selagi Engkau memanjangkan umur kami, dengan kemudahan, kesihatan, keselamatan, dan keluasan rezeki dari-Mu. Kurniakanlah kami amal salih yang diterima, dan himpunkanlah bagi kami kebaikan dunia dan akhirat. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Ya Allah, ampunilah kaum Muslimin dan Muslimat, Mukminin dan Mukminat, yang hidup dan yang telah meninggal dunia. Sesungguhnya Engkau Maha Mendengar, Maha Dekat, dan Maha Mengabulkan doa. Semoga Allah mencurahkan selawat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad, serta keluarga dan sahabatnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”



◉ Doa Selepas Solat Sunat Terawih

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. يَا
رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لَجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ .
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .
اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا بِالْإِيمَانِ كَامِلِينَ، وَلِفِرَاضِكَ مُؤَدِّينَ، وَعَلَى
الصَّلَوَاتِ مُحَافِظِينَ، وَلِلزَّكَاةِ فَاعِلِينَ، وَلِمَا عِنْدَكَ طَالِبِينَ، وَلِعَفْوِكَ
رَاجِينَ، وَبِالْهُدَى مُتَمَسِّكِينَ، وَعَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضِينَ، وَفِي الدُّنْيَا
زَاهِدِينَ، وَفِي الْآخِرَةِ رَاجِعِينَ، وَبِالْقَضَاءِ رَاضِينَ، وَلِلنِّعَمَاءِ
شَاكِرِينَ، وَعَلَى الْبَلَاءِ صَابِرِينَ، وَتَحْتَ لِوَاءِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَائِرِينَ، وَعَلَى الْخَوْضِ وَارِدِينَ، وَفِي الْجَنَّةِ
دَاحِلِينَ، وَعَلَى سُرُرِ الْكَرَامَةِ قَاعِدِينَ، وَبِحُورٍ عِينٍ مُتَزَوِّجِينَ،
وَمِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ وَدِيْبَاجٍ مُتَلَبِّسِينَ، وَمِنْ طَعَامِ الْجَنَّةِ آكِلِينَ،
وَمِنْ لَبَنٍ وَعَسَلٍ مُصَفًّى شَارِبِينَ، بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقٍ وَكَأْسٍ مِنْ
مَعِينٍ، مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصِّدِّيقِينَ
وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ ...



...وَحَسَنَ أَوْلِيكَ رَفِيقًا . ذَلِكَ الْفَضْلُ مِنَ اللَّهِ، وَكَفَى بِاللَّهِ عَلِيمًا
 اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِمَّنْ تَقَبَّلَتْ صِيَامَهُ وَقِيَامَهُ، وَغَفَرْتَ لَهُ زَلَّاهُ
 وَآثَامَهُ، وَأَمَّنْتَهُ التَّقَمَّ وَالْآلَامَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فِي شَهْرِنَا هَذَا وَفِي
 عَامِنَا هَذَا وَفِي كُلِّ عَامٍ مِنَ الْمَقْبُولِينَ، وَلَا تَجْعَلْنَا مِنَ الْمَحْرُومِينَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فِي شَهْرِنَا هَذَا وَفِي لَيْلَتِنَا هَذِهِ مِنْ عُتَقَائِكَ مِنَ
 النَّارِ، وَاجْعَلْنَا مِنَ السُّعَدَاءِ الْمَقْرُوبِينَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا مِمَّنْ وَفَّقْتَهُ
 لِقِيَامِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ، فَفُزْنَا بِثَوَابِهَا وَأَجْرِهَا الْعَظِيمِ . اللَّهُمَّ اخْتِمْ لَنَا
 شَهْرَ رَمَضَانَ بِرِضْوَانِكَ، وَالتَّجَاةِ مِنْ نِيرَانِكَ، وَاجْعَلْنَا فِيهِ مِنْ
 الْمَقْبُولِينَ، وَاجْعَلْنَا فِيهِ مِنْ عُتَقَائِكَ مِنَ النَّارِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ . اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فِي هَذَا الشَّهْرِ الشَّرِيفِ مِنَ السُّعَدَاءِ
 الْمَقْرُوبِينَ، وَاجْعَلْنَا فِيهِ مِنْ أَوْلِيَايِكَ الْمُتَّقِينَ، وَاجْعَلْنَا فِيهِ مِمَّنْ
 صَامَ وَقَامَ إِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا، فَاسْتَحَقَّ مَغْفِرَتَكَ وَرِضْوَانَكَ يَا رَبَّ
 الْعَالَمِينَ . اللَّهُمَّ اخْتِمْ لَنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِرِضْوَانِكَ، وَالتَّجَاةِ مِنْ
 نِيرَانِكَ، وَاجْعَلْنَا فِيهِ مِنَ الْمَقْبُولِينَ، وَاجْعَلْنَا فِيهِ مِنْ عُتَقَائِكَ
 مِنَ النَّارِ



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Alhamdulillah Rabbi-l'amin, hamdan yuwafi ni'amahu wa yukafi-u mazidah. Ya Rabbana lakal-hamdu kama yanbaghi lijalali wajhika wa 'azimi sultanik. Allahumma salli wa sallim 'ala Sayyidina Muhammad wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Allahumma aj'alna bil-imani kamilin, wa lifara'idika mu'addin, wa 'ala salawati muhafizin, wa lizzakati fa'ilin, wa lima 'indaka talibin, wa li'afwika rajin, wa bil-huda mutamasikin, wa 'anil-laghwi mu'ridhin, wa fid-dunya zahidin, wa fil-akhirati raghibin, wa bil-qadha' radin, wa lin-ni'ma'i shakirin, wa 'ala al-bala'i sabirin, wa tahta liwa'i Sayyidina Muhammad ﷺ yawmal-qiyamati sa'irin, wa 'ala al-hawdi waridin, wa fil-jannati dakhilin, wa 'ala sururil-karamati qa'idin, wa bi hurin 'in mutazawwijin, wa min sundusin wa istabraqin wa dibajin mutalabbisin, wa min ta'amil-jannati akilin, wa min laban wa 'asalin musaffa sharibin, bi-akwabin wa abariqa wa ka'sim min ma'in, ma'al-ladhina an'amta 'alayhim minan-nabiyyina was-siddiqina wash-shuhada'i was-salihin, wa hasuna ula'ika rafiqa. Dhalikal-fadlu minallah, wa kafa billahi 'alima. Allahumma aj'alna mimman taqabbalta siyamahu wa qiyamahu, wa ghafarta lahu zalalahu wa athamahu, wa ammantahu an-niqama wal-alam. Allahumma aj'alna fi shahrina hadha wa fi 'amina hadha wa fi kulli 'amin minal-maqbulin, wa la taj'alna minal-mahrumin. Allahumma aj'alna fi shahrina hadha wa fi laylatina hadhihi min 'utaqa'ika minan-nar, wa aj'alna minas-su'ada'il-muqarrabin. Allahumma aj'alna mimman waffaqtahu liqiyami laylatil-qadri, fafuzna bisawabihah wa ajriha-l-'azim. Allahumma akhtim lana shahra ramadana birdwanika, wan-najati min niranika, wa aj'alna fihi minal-maqbulin, wa aj'alna fihi min 'utaqa'ika minan-nar, birahmatika ya arhamar-rahimin. Allahumma aj'alna fi hadha-sh-shahri-sh-sharifi minas-su'ada'il-muqarrabin, wa aj'alna fihi min awliya'ikal-muttaqin, wa aj'alna fihi mimman sama wa qama imanan wa ihtisaban, fasta-haqqa maghfirataka wa ridwanaka ya Rabbal-'amin. Allahumma akhtim lana shahra ramadana birdwanika, wan-najati min niranika, wa aj'alna fihi minal-maqbulin, wa aj'alna fihi min 'utaqa'ika minan-nar.



“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam, pujian yang sesuai dengan nikmat-Nya dan setimpal dengan tambahan kurniaan-Nya. Wahai Tuhan kami, bagi-Mu segala puji sebagaimana layakNya untuk keagungan wajah-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu. Ya Allah, curahkanlah selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad ﷺ, serta ke atas ahli keluarga dan sahabat Baginda seluruhnya. Ya Allah, jadikanlah kami sempurna dalam keimanan, melaksanakan kewajipan, menjaga solat, menunaikan zakat, memohon keampunan-Mu, dan berpaut kepada petunjuk-Mu. Jadikanlah kami orang-orang yang menjauhkan diri daripada perkara yang sia-sia, berzuhud di dunia, mencintai akhirat, reda dengan ketentuan-Mu, bersyukur atas nikmat, bersabar menghadapi ujian, dan tergolong dalam golongan yang mendapatkan syafaat Nabi Muhammad ﷺ di Hari Kiamat. Jadikanlah kami dalam syurga bersama para nabi, siddiqin, syuhada, dan orang-orang salih, minum dari sungai syurga, serta menikmati segala nikmat yang Engkau sediakan untuk hamba-Mu yang soleh. Ya Allah, terimalah puasa dan solat malam kami, ampunkanlah kesalahan dan dosa-dosa kami, dan selamatkanlah kami dari azab-Mu. Ya Allah, jadikanlah kami di bulan Ramadan ini sebagai golongan yang diterima amalannya, dan jangan jadikan kami dari golongan yang rugi. Jadikanlah kami termasuk dalam kalangan hamba-Mu yang dibebaskan daripada api neraka, dan jadikanlah kami dari mereka yang berjaya mendirikan malam Lailatul Qadr dengan keimanan dan pengharapan. Ya Allah, akhirkkan bulan Ramadan kami dengan keredaan-Mu dan selamatkan kami dari api neraka, serta masukkan kami dalam golongan yang diterima amalannya. Amin, ya Rabbal-‘alamin.”



◦ Doa Selepas Solat Sunat Witir

سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ (3X)

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ، وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ،
وَبِكَ مِنْكَ لَا أَحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ، أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ

Subhaanal malikil qudduus (3X)

Allahumma inni a'udzu biridhaaka min sakhatika, wa bimu'aafaatika min
'uquubatika, wa a'udzu bika minka, laa uhshii tsanaa'an 'alaika, anta
kamaa athnaita 'alaa nafsik.

“Maha Suci Raja Yang Maha Suci” “Ya Allah, sesungguhnya aku berindung dengan keredaan-Mu daripada kemurkaan-Mu, dan dengan kemaafan-Mu daripada hukuman-Mu, dan aku berindung kepada-Mu daripada (siksaan)-Mu. Aku tidak mampu menghitung pujian terhadap-Mu; Engkau sebagaimana pujian yang Engkau berikan kepada diri-Mu sendiri.”



› BAB 7 ‹

Doa Di Situasi Khusus



Bab 7 • Doa Di Situasi Khusus

Doa adalah cara terbaik seorang hamba untuk menghubungkan hati kepada Allah SWT dalam setiap situasi, sama ada suka atau duka. Melalui doa di situasi-situasi khusus seperti akhir & awal tahun, atau nisfu syaaban, seorang Muslim menunjukkan kebergantungan, pengharapan, dan tawakal kepada Tuhannya.

• Doa Akhir & Awal Tahun (Dibaca 3X)

Doa Akhir Tahun:

Doa akhir tahun dibaca pada hari terakhir bulan Zulhijjah, iaitu sebelum masuk waktu Maghrib.

اَللّٰهُمَّ مَا عَمِلْتُ فِيْ هَذِهِ السَّنَةِ مِمَّا نَهَيْتَنِیْ عَنْهُ فَلَمْ اُتْبِ مِنْهُ وَلَمْ تَرْضَهُ وَلَمْ تَنْسَهُ وَحَلُمْتَ عَلَیَّ بَعْدَ قُدْرَتِكَ عَلَیْ عُقُوْبَتِیْ وَدَعَوْتَنِیْ اِلَی التَّوْبَةِ مِنْهُ بَعْدَ جُرْأَتِیْ عَلَی مَعْصِيَّتِكَ فَاِنِّیْ اَسْتَغْفِرُكَ فَاغْفِرْ لِیْ وَمَا عَمِلْتُ فِيْهَا مِمَّا تَرْضَاهُ وَوَعَدْتَنِیْ عَلَيْهِ الثَّوَابَ فَاَسْأَلُكَ اَللّٰهُمَّ يَا كَرِيْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ اَنْ تَتَقَبَّلَهُ مِنِّیْ وَلَا تَقْطَعْ رَجَائِیْ مِنْكَ يَا كَرِيْمُ . وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَی سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَیْ اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم



Allahumma ma 'amiltu fi hadhihi-sanati mimma nahaitani 'anhu dalam atub minhu wa lam tardhahu wa lam tansahu wa halumta 'alayya ba'da qudratika 'ala 'uqubati wa da'autani ilat-taubati minhu ba'da jur'ati 'ala ma'siyatika fa inni astaghfiruka faghfir li. Wa ma 'amiltu fiha mimma tardhahu wa wa'adtani 'alayhi ats-thawaba fa as'aluka Allahumma ya Karim, ya Dzal-Jalali wal-Ikram, an tataqabbalahu minni wa la taqta' rajai minka ya Karim. Wa shallallahu 'ala Sayyidina Muhammad wa 'ala alihi wa sahbihi wa sallam.

“Ya Allah, apa sahaja amalan yang telah aku lakukan dalam tahun ini yang merupakan larangan-Mu dan aku belum bertaubat daripadanya, sedangkan Engkau tidak meredhainya dan tidak melupakannya, namun Engkau tetap bersabar terhadapku walaupun Engkau berkuasa untuk menghukumku, dan Engkau masih memberi peluang kepadaku untuk bertaubat selepas keberanianku melakukan maksiat kepada-Mu; maka sesungguhnya aku memohon ampun kepada-Mu, maka ampunilah aku. Dan apa sahaja amalan yang telah aku lakukan dalam tahun ini yang Engkau redhai dan Engkau janjikan pahala ke atasnya, maka aku memohon kepada-Mu, wahai Allah, wahai Yang Maha Pemurah, wahai Yang Memiliki Keagungan dan Kemuliaan, agar Engkau menerimanya daripadaku dan janganlah Engkau memutuskan harapanku daripada-Mu, wahai Yang Maha Pemurah. Semoga Allah mencurahkan rahmat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad, serta ke atas keluarga dan sahabatnya.”



Doa Awal Tahun:

Doa awal tahun dibaca pada malam 1 Muharram, iaitu selepas Maghrib pada hari terakhir bulan Zulhijjah.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ الْاَبَدِيُّ الْقَدِيْمُ الْاَوَّلُ، وَعَلَى فَضْلِكَ الْعَظِيْمُ وَكَرِيْمُ
جُودِكَ الْمُعَوَّلُ، وَهَذَا عَامٌ جَدِيْدٌ قَدْ اَقْبَلَ، نَسْأَلُكَ الْعِصْمَةَ فِيْهِ
مِنَ الشَّيْطَانِ وَاَوْلِيَآيِهِ، وَالْعَوْنَ عَلَى هَذِهِ النَّفْسِ الْاَمَّارَةِ بِالسُّوْءِ،
وَالِاشْتِغَالَ بِمَا يُقَرِّبُنَا اِلَيْكَ زُلْفَى، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ . وَصَلَّى
اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم

Allahumma Antal-Abadiyyul-Qadimul-Awwal, wa 'ala fadhlikal-'azimi
wa karimi judikal-mu'awwal, wa hadha 'amun jadidun qad aqbal,
nas'aluka al-'ismata fih minasy-syaithani wa awliya'ih, wal-'auna 'ala
hadhihin-nafsil-ammarati bis-su', wal-isytighala bima yuqarribuna
ilaika zulfa, ya Dzal-Jalali wal-Ikram. Wa shallallahu 'ala Sayyidina
Muhammad wa 'ala alihi wa sahbihi wa sallam.

“Ya Allah, Engkaulah Yang Abadi, Yang Qadim, Yang Awal; dengan keutamaan-Mu yang agung dan kemurahan-Mu yang mulia, kami bersandar. Tahun baru ini telah tiba; kami memohon kepada-Mu perlindungan daripadanya daripada syaitan dan para pengikutnya, serta pertolongan untuk mengatasi nafsu yang cenderung kepada kejahatan, dan kesibukan dengan apa yang mendekatkan kami kepada-Mu sedekat-dekatnya. Wahai Tuhan yang memiliki Keagungan dan Kemuliaan. Semoga Allah mencurahkan rahmat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad, serta ke atas keluarga dan sahabatnya.”



◉ Doa Nisfu Syaaban

Doa Nisfu Sya'ban ini dianjurkan untuk dibaca pada malam Nisfu Sya'ban, iaitu malam ke-15 bulan Sya'ban, selepas selesai solat Maghrib atau selepas menunaikan ibadah seperti membaca Yasin. Malam ini dianggap istimewa kerana pada malam ini, Allah SWT membuka pintu pengampunan, menerima doa, dan menentukan takdir hamba-Nya untuk tahun yang akan datang.

اللَّهُمَّ يَا ذَا الْمَنِّ وَلَا يُمَنُّ عَلَيْكَ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، يَا ذَا
الطَّوْلِ وَالْإِنْعَامِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، ظَهَرَ اللَّاحِظِينَ، وَجَارَ
الْمُسْتَجِيرِينَ، وَمَأْمَنَ الْخَائِفِينَ. اللَّهُمَّ إِنْ كُنْتَ كَتَبْتَنِي عِنْدَكَ فِي
أُمِّ الْكِتَابِ شَقِيًّا أَوْ مُحْرُومًا أَوْ مَطْرُودًا أَوْ مُقْتَرًّا عَلَى فِي الرِّزْقِ،
فَامْحُ اللَّهُمَّ بِفَضْلِكَ شَقَاوَتِي وَحِرْمَانِي وَطَرْدِي وَاقْتِتَارَ رِزْقِي
...وَأَثْبِتْنِي عِنْدَكَ فِي أُمِّ الْكِتَابِ سَعِيدًا مَرْزُوقًا مُوَفَّقًا لِلْخَيْرَاتِ
فَإِنَّكَ قُلْتَ وَقَوْلُكَ الْحَقُّ فِي كِتَابِكَ الْمُنْزَلِ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّكَ
الْمُرْسَلِ: "يَمْحُو اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ". إِلَهِي
بِالتَّجَلِّي الْأَعْظَمِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَهْرِ شَعْبَانَ الْمُكْرَمِ، الَّتِي
يُفْرَقُ فِيهَا كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ وَيُبْرَمُ، أَنْ تَكْشِفَ عَنَّا مِنَ الْبَلَاءِ مَا
نَعْلَمُ وَمَا لَا نَعْلَمُ، وَمَا أَنْتَ بِهِ أَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ

Allahumma ya dzal manni wa laa yumannu 'alaik, ya dzal jalaali wal ikraam, ya dzat thauli wal in'aam, laa ilaaha illaa anta, zhahral laaji'een, wa jaaral mustajireen, wa ma'manal khad'ifeen. Allahumma in kunta katabtanii 'indaka fii ummil kitaabi syaqiyyan aw mahruuman aw matrudan aw muqattaran 'alayya fir rizqi, famhu Allahumma bi fadhlika syaqaawatii wa hirmaanii wa tardii wa iqtitaara rizqii, wa atsitbitnii 'indaka fii ummil kitaabi sa'iidan marzuuqan muwaffaqan lil khayraat, fa innaka qulta wa qawluka al-haqqu fii kitaabikal munzali 'alaa lisaani nabiyyikal mursal: "Yamhu Allahu maa yasyaa'u wa yutsbitu wa 'indahu ummul kitaab". Ilaahi bit tajallil a'zham fi laylatin nisfi min syahri sya'banal mukarram, allatii yufraqu fiihaa kullu amrin hakiimin wa yubram, an taksifa 'annaa minal balaa'i maa na'lamu wa maa laa na'lamu, wa maa anta bihi a'lamu, innaka antal a'azzul akram. Wa shallallahu 'alaa sayyidinaa Muhammad wa 'alaa aalihi wa shahbihi wa sallam. Walhamdulillahi rabbil 'aalamiin. Allahumma aj'alna minal-muhsinin, wa aj'alna minas-shabirin, wa aj'alna minash-shakirin, wa aj'alna minal-muttaqin, wa aj'alna minal-khashi'in. Allahumma aj'alna mimman yuqimunas-salata, wa yu'tunas-zakata, wa ya'muruna bil-ma'ruf, wa yanhauna 'anil-munkar, wa yuhafizuna 'ala hududika, wa yattabi'una syari'ataka. Rabbana atina fid-dunya hasana, wa fil-akhirati hasana, wa qina 'adhaban-nar. Wasallallahu 'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa shahbihi ajma'in, walhamdu lillahi Rabbil-'Alamin.

“Ya Allah, wahai Tuhan yang memiliki anugerah yang tidak dianugerahkan kepada-Mu, wahai Tuhan yang memiliki keagungan dan kemuliaan, wahai Tuhan yang memiliki kurnia dan nikmat, tiada Tuhan selain Engkau, tempat berlindung bagi orang yang memohon perlindungan, pelindung bagi orang yang mencari perlindungan, dan pemberi keamanan bagi orang yang ketakutan. Ya Allah, jika Engkau telah menetapkan aku di sisi-Mu dalam Ummul Kitab sebagai orang yang celaka, terhalang (dari rahmat), terusir, atau sempit rezeki, maka hapuskanlah, ya Allah, dengan keutamaan-Mu, kecelakaanku, keterhalanganku, pengusiranku, dan kesempitan rezekiku. Tetapkanlah aku di



sisi-Mu dalam Ummul Kitab sebagai orang yang bahagia, mendapat rezeki, dan taufik kepada kebaikan-kebaikan. Sesungguhnya Engkau telah berfirman, dan firman-Mu adalah benar, dalam Kitab-Mu yang diturunkan melalui lisan Nabi-Mu yang diutus: ‘Allah menghapus apa yang Dia kehendaki dan menetapkan (apa yang Dia kehendaki); dan di sisi-Nya terdapat Ummul Kitab (Lauh Mahfuz)’. Tuhanku, dengan manifestasi agung-Mu pada malam pertengahan bulan Sya’ban yang mulia, di mana setiap urusan yang penuh hikmah diputuskan dan ditetapkan, aku memohon agar Engkau menghindarkan dari kami bala yang kami ketahui dan yang tidak kami ketahui, dan Engkau lebih mengetahui tentangnya. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa lagi Maha Mulia. Semoga Allah mencurahkan rahmat dan salam kepada junjungan kami, Nabi Muhammad, serta keluarga dan sahabatnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”

Hadis-Hadis Mengenai Kelebihan Nisfu Syaaban:

Pengampunan Bagi Orang-Orang Beriman:

Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah melihat makhluk-Nya pada malam Nisfu Sya’ban, lalu Dia mengampuni semua makhluk-Nya kecuali orang musyrik dan orang yang bermusuhan.”

(Riwayat Ibn Majah, 1390)



Rahmat dan Keampunan:

Diriwayatkan oleh Aisyah r.a., Rasulullah ﷺ bersabda:

“Pada malam pertengahan bulan Sya’ban, Allah mengampuni dosa-dosa makhluk-Nya sebanyak jumlah bulu kambing Bani Kalb, kecuali orang yang musyrik dan orang yang berdendam.”

(Riwayat Ahmad, 665)

Penulisan Takdir:

Sebahagian ulama menyebut bahawa malam Nisfu Sya’ban adalah malam di mana takdir tahunan manusia ditentukan. Walaupun ini sering dikaitkan dengan Lailatul Qadr, malam Nisfu Sya’ban juga dianggap waktu yang penting untuk bermunajat kepada Allah.

◦ Doa Hari Asyura

Hari Asyura, yang jatuh pada 10 Muharram, adalah hari yang istimewa dalam Islam. Pada hari ini, umat Islam dianjurkan untuk memperbanyak amalan seperti berpuasa sunat dan berdoa. Berikut adalah doa yang boleh diamalkan pada Hari Asyura:

سُبْحَانَ اللَّهِ مِْلَاءَ الْمِيزَانِ وَمُنْتَهَى الْعِلْمِ وَمَبْلَغُ الرِّضَا وَعَدَدَ النِّعَمِ
وَزِنَةَ الْعَرْشِ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مِْلَاءَ الْمِيزَانِ وَمُنْتَهَى الْعِلْمِ وَمَبْلَغُ
الرِّضَا وَعَدَدَ النِّعَمِ وَزِنَةَ الْعَرْشِ. وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مِْلَاءَ الْمِيزَانِ
وَمُنْتَهَى الْعِلْمِ وَمَبْلَغُ الرِّضَا وَعَدَدَ النِّعَمِ وَزِنَةَ الْعَرْشِ



Subhānallāhi mil'al-mīzān wa muntahal-'ilm wa mablaghar-ridā wa 'adadan-ni'am wa zinatal-'arsh. Walhamdulillāhi mil'al-mīzān wa muntahal-'ilm wa mablaghar-ridā wa 'adadan-ni'am wa zinatal-'arsh. Wa lā ilāha illallāhu mil'al-mīzān wa muntahal-'ilm wa mablaghar-ridā wa 'adadan-ni'am wa zinatal-'arsh.

“Maha Suci Allah sepenuh timbangan, sejauh ilmu, setinggi keredaan, sebanyak nikmat, dan seberat Arasy. Segala puji bagi Allah sepenuh timbangan, sejauh ilmu, setinggi keredaan, sebanyak nikmat, dan seberat Arasy. Tiada Tuhan selain Allah sepenuh timbangan, sejauh ilmu, setinggi keredaan, sebanyak nikmat, dan seberat Arasy.”

◉ Doa Bulan Rejab

Ketika memasuki bulan Rejab, umat Islam dianjurkan untuk berdoa dan mempersiapkan diri untuk menghadapi Ramadan. Berikut adalah doa yang masyhur dibaca pada bulan Rejab:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ.

Allahumma barik lana fi Rajaba wa Sya'bana, wa ballighna Ramadan.

“Ya Allah, berkahilah kami dalam bulan Rejab dan Sya'ban, serta sampaikanlah kami ke bulan Ramadan.”



◦ Doa Awal Ramadan

Memasuki bulan suci Ramadan, umat Islam dianjurkan untuk memperbanyak doa dan amalan kebaikan. Salah satu doa yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ ketika memasuki bulan Ramadan adalah:

اللَّهُمَّ سَلِّمْنِي لِرَمَضَانَ، وَسَلِّمْ رَمَضَانَ لِي، وَتَسَلَّمْهُ مِنِّي مُتَقَبَّلًا.

Allāhumma sallimnī li Ramadān, wa sallim Ramadān lī, wa tasallamhu minnī mutaqqabbalan.

“Ya Allah, selamatkanlah aku untuk (menunaikan ibadah di) bulan Ramadan, dan selamatkanlah Ramadan untukku, serta terimalah (amalan-amalanku) daripadaku dengan penerimaan yang baik.”

◦ Doa 10 Akhir Ramadan

Salah satu doa yang dianjurkan oleh Rasulullah ﷺ pada malam-malam tersebut adalah:

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوءٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

Allāhumma innaka ‘afuwwun tuhibbul-‘afwa fa’fu ‘annī.

“Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pemaaf, Engkau suka memberi kemaafan, maka maafkanlah aku.”



◦ Doa Hari Jumaat

Hari Jumaat merupakan penghulu segala hari, dan umat Islam dianjurkan untuk memperbanyak doa kerana terdapat waktu yang mustajab untuk berdoa pada hari ini. Berikut adalah doa yang boleh diamalkan pada hari Jumaat:

اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي فِي هَذَا الْيَوْمِ مِمَّنْ نَظَرْتَ إِلَيْهِ فَرَحَّمْتَهُ، وَسَمِعْتَ
دُعَاءَهُ فَأَجَبْتَهُ، اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِمَّنْ دَعَاكَ فَأَجَبْتَهُ، وَسَأَلَكَ
فَأَعْطَيْتَهُ، وَتَوَكَّلَ عَلَيْكَ فَكَفَيْتَهُ

Allahumma aj'alni fi hadza-l-yaumi mimman nazarta ilayhi farahimtahu, wa sami'ta du'ahu fa'ajabtahu. Allahumma aj'alni mimman da'aka fa'ajabtahu, wa sa'alaka fa'a'taytahu, wa tawakkala 'alayka fakafaytahu.

“Ya Allah, jadikanlah aku pada hari ini termasuk dalam golongan orang yang Engkau pandang dengan rahmat-Mu, dan Engkau dengar doanya lalu Engkau perkenankan. Ya Allah, jadikanlah aku termasuk dalam golongan orang yang memohon kepada-Mu lalu Engkau mengabulkannya, meminta kepada-Mu lalu Engkau memberinya, dan berserah kepada-Mu lalu Engkau mencukupkan baginya.”



Hadis Tentang Keutamaan Hari Jumaat

Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya pada hari Jumaat terdapat suatu waktu yang apabila seorang hamba Muslim memohon kepada Allah sesuatu kebaikan bertepatan dengan waktu itu, maka Allah pasti mengabulkan permohonannya.”

(Riwayat Bukhari & Muslim)



﴾ BAB 8 ﴿

Tahlil & Doa

RINGKAS &
LENGKAP

Bab 8 • Tahlil & Doa

Tahlil adalah satu amalan zikir yang menekankan penyebutan kalimah **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** (La ilaha illa Allah) yang bermaksud “Tiada Tuhan melainkan Allah.” Dalam konteks amalan masyarakat Islam di Malaysia, Thailand dan Indonesia, tahlil sering dilakukan sebagai sebahagian daripada majlis doa arwah. Majlis ini biasanya diadakan untuk mendoakan kesejahteraan roh orang yang telah meninggal dunia, memohon keampunan dan rahmat Allah SWT buat mereka.

Amalan tahlil ini telah menjadi tradisi dalam masyarakat Nusantara, di mana ia sering kali dikaitkan dengan kenduri arwah atau majlis tertentu. Walaupun asal usulnya berasal dari zikir yang dianjurkan dalam Islam, tahlil telah diadaptasi menjadi sebuah amalan yang menggabungkan bacaan doa, zikir, dan selawat, dengan niat khusus untuk mendoakan orang yang telah meninggal dunia.

Bacaan Tahlil Ringkas

إِلَى حَضْرَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَأَلِهِ وَصَحْبِهِ شَيْءٌ اللَّهُ لَهُمُ الْفَاتِحَةُ

“Kepada insan terhormat Nabi Muhammad SAW, segenap keluarga, dan para sahabatnya. Bacaan Al-Fatihah ini kami tujukan kepada Allah dan pahalanya untuk mereka semua. Al-Fatihah...”

◦ Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ
﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”



◉ Surah Al-Ikhlâs (3X)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ (١) اللَّهُ الصَّمَدُ ۝ (٢) لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ۝ (٣)
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ۝ (٤)

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tiada beranak, dan Dia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapaupun yang setara dengan-Nya.”

Diselangi dengan Tahlil & Takbir:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Tiada tuhan yang layak disembah kecuali Allah. Allah maha besar.”



◦ Surah Al-Falaq

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ﴿١﴾ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٢﴾ وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ
إِذَا وَقَبَ ﴿٣﴾ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ﴿٤﴾
وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ﴿٥﴾

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menguasai waktu subuh (fajar). Daripada bencana makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dan daripada bahaya gelap apabila ia masuk. Dan daripada kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus pada simpulan-simpulan (dan melakukan sihir). Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia melaksanakan dengkinya.”

Diselangi dengan Tahlil & Takbir:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Tiada tuhan yang layak disembah kecuali Allah. Allah maha besar.”



◦ Surah An-Nas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾
مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Yang Memiliki (hak untuk disembah oleh) sekalian manusia. Daripada kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam. Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia. (Bisikan dan hasutan) daripada jin dan manusia.”

Diselangi dengan Tahlil & Takbir:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Tiada tuhan yang layak disembah kecuali Allah. Allah maha besar.”



- Surah Al-Baqarah Ayat 255 (Ayat Kursi)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ، لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ، مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ، يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ، وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ، وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ، وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

“Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, lagi Maha Mengurus (sekalian makhluk-Nya). Tiada mengantuk dan tiada tidur bagi-Nya. Kepunyaan-Nya segala yang ada di langit dan di bumi. Tiada siapa yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya tanpa izin-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu-Nya kecuali dengan izin-Nya. Kursi-Nya meliputi langit dan bumi, dan tiada kesukaran bagi-Nya memelihara kedua-duanya. Dan Dia Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

- Istighfar (3X)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ.

“Aku memohon ampun kepada Allah yang Maha Agung”



Membaca ayat berikut:

أَفْضَلُ الذِّكْرِ فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Sebaik-baik zikir adalah lafaz ‘La ilāha illallāh’, (Tiada tuhan selain Allah)”

- Zikir Tahlil (33X/100X)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Tiada Tuhan selain Allah”

- Syahadah & Pengakuan Keimanan

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهَا نَحْيَا
وَعَلَيْهَا نَمُوتُ وَعَلَيْهَا نُبْعَثُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الْأَمِينِ ,
الْفَاتِحَةِ

“Tiada tuhan selain Allah. Nabi Muhammad SAW utusan-Nya.”
Dengan kalimat itu, kami hidup. Dengannya, kami wafat.
Dengannya pula insya Allah kelak kami dibangkitkan termasuk
orang yang aman.”



◦ Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”



Bacaan Tahlil Lengkap

إِلَى حَضْرَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَأَلِيهِ وَصَحْبِهِ شَيْءٌ اللَّهُ لَهُمُ الْفَاتِحَةُ

“Kepada insan terhormat Nabi Muhammad SAW, segenap keluarga, dan para sahabatnya. Bacaan Al-Fatihah ini kami tujukan kepada Allah dan pahalanya untuk mereka semua. Al-Fatihah...”

◦ Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ①
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ② الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ③ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ
④ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ⑤ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ⑥
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ⑦

1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.



7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”

Diselangi dengan Tahlil & Takbir:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Tiada tuhan yang layak disembah kecuali Allah. Allah maha besar.”

◦ **Surah Al-Ikhlas (3X)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ① اللَّهُ الصَّمَدُ ② لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ ③
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ ④

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): (Tuhanku) ialah Allah Yang Maha Esa. Allah Yang menjadi tumpuan sekalian makhluk untuk memohon sebarang hajat. Dia tiada beranak, dan Dia pula tidak diperanakkan. Dan tidak ada sesiapaupun yang setara dengan-Nya.”



Diselangi dengan Tahlil & Takbir:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Tiada tuhan yang layak disembah kecuali Allah. Allah maha besar.”

◦ Surah Al-Falaq

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ ① مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ② وَمِنْ شَرِّ غَاسِقٍ
إِذَا وَقَبَ ③ وَمِنْ شَرِّ النَّفَّاثَاتِ فِي الْعُقَدِ ④
وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ ⑤

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menguasai waktu subuh (fajar). Daripada bencana makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Dan daripada bahaya gelap apabila ia masuk. Dan daripada kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus pada simpulan-simpulan (dan melakukan sihir). Dan daripada kejahatan orang yang dengki apabila dia melaksanakan dengkinya.”



Diselangi dengan Tahlil & Takbir:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Tiada tuhan yang layak disembah kecuali Allah. Allah maha besar.”

◦ Surah An-Nas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ مَلِكِ النَّاسِ ﴿٢﴾ إِلَهِ النَّاسِ ﴿٣﴾
مِنْ شَرِّ الْوَسْوَاسِ الْخَنَّاسِ ﴿٤﴾ الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ ﴿٥﴾
مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ ﴿٦﴾

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Katakanlah (wahai Muhammad): Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan sekalian manusia. Yang Menguasai sekalian manusia. Yang Memiliki (hak untuk disembah oleh) sekalian manusia. Daripada kejahatan pembisik penghasut yang timbul tenggelam. Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia. (Bisikan dan hasutan) daripada jin dan manusia.”

Diselangi dengan Tahlil & Takbir:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Tiada tuhan yang layak disembah kecuali Allah. Allah maha besar.”



◦ Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾
إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami memohon pertolongan.
6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”



◦ Surah Al-Baqarah Ayat 1-5

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الَمْ ۝۱ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ۝۲
الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ۝۳
وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ
يُوقِنُونَ ۝۴ أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ
وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ۝۵

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Demikian itu kitab ini tidak ada keraguan padanya. Sebagai petunjuk bagi mereka yang bertakwa. Yaitu mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan shalat, dan menafkahkan sebagian rezeki yang kami anugerahkan kepada mereka. Dan mereka yang beriman kepada kitab Al-Qur’an yang telah diturunkan kepadamu (Muhammad SAW) dan kitab-kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya kehidupan akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari tuhannya. Merekalah orang-orang yang beruntung.”

◦ Surah Al-Baqarah, Ayat 163

وَالْهُكُمُ إِلَهُ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ.

“Dan Tuhan kamu adalah Tuhan yang Esa, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Penyayang.”



◦ Surah Al-Baqarah Ayat 255 (Ayat Kursi)

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ، لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ، مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ، يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ، وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ، وَسِعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ، وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

“Allah, tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Hidup, lagi Maha Mengurus (sekalian makhluk-Nya). Tiada mengantuk dan tiada tidur bagi-Nya. Kepunyaan-Nya segala yang ada di langit dan di bumi. Tiada siapa yang dapat memberi syafaat di sisi-Nya tanpa izin-Nya. Dia mengetahui apa yang ada di hadapan dan di belakang mereka, dan mereka tidak mengetahui apa-apa daripada ilmu-Nya kecuali dengan izin-Nya. Kursi-Nya meliputi langit dan bumi, dan tiada kesukaran bagi-Nya memelihara kedua-duanya. Dan Dia Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”

◦ Surah Al-Baqarah Ayat 284-286

لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ وَإِنْ تُبْذَرُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفَوْهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾



ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلُّ ءَامَنَ بِاللَّهِ
وَمَلَائِكَتِهِ ۚ وَكُتِبَ عَلَيْهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نَفَرَقَ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ وَقَالُوا
سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا ۚ غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ ﴿٢٨٥﴾

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا
اَكْتَسَبَتْ ۚ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ
عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ ۚ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا ۚ رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا
لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ ۚ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا ۚ أَنْتَ مَوْلَانَا
فَاَنْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

“Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hati kamu atau kamu menyembunyikannya, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian Ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan menyeksa sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya) Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain Rasul-rasulnya”.

Mereka berkata lagi: Kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanMu wahai Tuhan kami, dan kepadaMu jualah tempat kembali”.

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir.”

◦ Surah Hud, Ayat 73 (3X)

يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ إِرْحَمْنَا
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ

“Wahai Tuhan yang maha kasih, kasihani kami. Dan rahmat Allah serta berkatNya (kami harapkan) melimpah di atas kamu sekalian wahai ahlul bait. Sungguh Dia maha terpuji lagi maha pemurah,”



◦ Surah Al-Ahzab, Ayat 33

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ
وَيُطَهِّرَكُم تَطْهِيرًا ﴿٣٣﴾

“Sungguh Allah berkehendak menghilangkan segala kotoran padamu, wahai ahlul bait, dan menyucikanmu sebersih-bersihnya,”

◦ Surah Al-Ahzab, Ayat 56

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

“Sungguh Allah dan para malaikat-Nya bershalawat untuk nabi. Wahai orang-orang yang beriman, bacalah shalawat untuknya dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.”

◦ Selawat ke atas Nabi SAW

اللَّهُمَّ صَلِّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ عَلَى أَسْعَدِ مَخْلُوقَاتِكَ حَبِيبِ اللَّهِ سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادَ كَلِمَاتِكَ
كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَن ذِكْرِكَ الْغَافِلُونَ



“Ya Allah, berilah sebaik-baik rahmat kepada makhlukMu yang paling bahagia, yang menjadi Kekasih Allah, penghulu dan pemimpin kami, iaitu Nabi Muhammad dan kepada keluarga sebanyak bilangan barang yang Engkau ketahui, dan bilangan tinta untuk mencatat kalimahMu, selama masih ada orang yang ingat dan orang yang lupa kepadaMu”

اللَّهُمَّ صَلِّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ عَلَى أَسْعَدِ مَخْلُوقَاتِكَ شَمْسِ الضُّحَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادَ
كَلِمَاتِكَ كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَن ذِكْرِكَ الْغَافِلُونَ

“Ya Allah, berilah sebaik-baik rahmat kepada makhlukMu yang paling bahagia, yang menjadi penerang laksana matahari di waktu Duha, penghulu dan pemimpin kami, iaitu Nabi Muhammad dan kepada keluarga sebanyak bilangan barang yang Engkau ketahui, dan bilangan tinta untuk mencatat kalimahMu, selama masih ada orang yang ingat dan orang yang lupa kepadaMu”

اللَّهُمَّ صَلِّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ عَلَى أَسْعَدِ مَخْلُوقَاتِكَ بَدْرِ الدُّجَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ عَدَدَ مَعْلُومَاتِكَ وَمِدَادَ كَلِمَاتِكَ
كُلَّمَا ذَكَرَكَ الذَّاكِرُونَ وَغَفَلَ عَن ذِكْرِكَ الْغَافِلُونَ

“Ya Allah, berilah sebaik-baik rahmat kepada makhlukMu yang paling bahagia, yang menjadi penerang laksana bulan purnama di waktu gelap, penghulu dan pemimpin kami, iaitu Nabi



Muhammad dan kepada keluarga sebanyak bilangan barang yang Engkau ketahui, dan bilangan tinta untuk mencatat kalimahMu, selama masih ada orang yang ingat dan orang yang lupa kepadaMu”

- Salam ke atas Nabi SAW

وَسَلِّمْ وَرَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْ أَصْحَابِ سَيِّدِنَا رَسُولِ اللَّهِ أَجْمَعِينَ

“Semoga Allah yang maha suci dan tinggi meredhai para sahabat dari pemimpin kami (Rasulullah).”

- Zikir Tawakkal (Surah Ali-'Imran Ayat 173 & Surah Al-Anfal Ayat 40)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ , نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ

“Cukup Allah bagi kami. Dia sebaik-baik wakil.”
(Surat Ali Imran Ayat 173).

“Dia sebaik-baik pemimpin dan penolong,”
(Surat Al-Anfal Ayat 40).



- Bacaan Haugalah

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

“Tidak ada daya dan kekuatan kecuali dengan pertolongan Allah yang maha tinggi dan agung.”

- Istighfar (3X)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ.

“Aku memohon ampun kepada Allah yang Maha Agung”

Membaca ayat berikut:

أَفْضَلُ الذِّكْرِ فَاَعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Sebaik-baik zikir adalah lafaz ‘La ilāha illallāh’, (Tiada tuhan selain Allah)”

- Zikir Tahlil (33X/100X)

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Tiada Tuhan selain Allah”



◦ Syahadah & Pengakuan Keimanan

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهَا نَحْيًا
وَعَلَيْهَا نَمُوتُ وَعَلَيْهَا نُبْعَثُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مِنَ الْأَمِينِ ،
الْفَاتِحَةِ

“Tiada tuhan selain Allah. Nabi Muhammad SAW utusan-Nya.”
Dengan kalimat itu, kami hidup. Dengannya, kami wafat.
Dengannya pula insya Allah kelak kami dibangkitkan termasuk
orang yang aman.”

◦ Surah Al-Fatihah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ
﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾
صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ
وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

1. “Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
2. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.
3. Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.
4. Yang Menguasai hari pembalasan.
5. Engkaulah yang kami sembah dan kepada Engkaulah kami

memohon pertolongan.

6. Tunjukilah kami jalan yang lurus.
7. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat.”

Doa Tahlil

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِيُ مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنْجِينَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَالْأَفَاتِ، وَتَقْضِي لَنَا بِهَا جَمِيعَ الْحَاجَاتِ. وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ، وَتَرْفَعُنَا بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ، وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيعِ الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ.

اللَّهُمَّ تَقَبَّلْ وَأَوْصِلْ ثَوَابَ مَا قَرَأْنَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَمَا اسْتَغْفَرْنَاهُ مِنْ قَوْلِ اسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ، وَمَا هَلَّلْنَاهُ مِنْ قَوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَمَا سَبَّحْنَاهُ مِنْ قَوْلِ سُبْحَانَ اللَّهِ، وَمَا صَلَّيْنَاهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فِي هَذَا الْمَجْلِسِ الْمُبَارَكِ، هَدِيَّةً مِنَّا وَاصِلَةً، وَرَحْمَةً مِّنْكَ نَازِلَةً، وَبَرَكَاةً شَامِلَةً، نُهْدِيهَا



وَنُقَدِّمُهَا إِلَى حَضْرَةِ النَّبِيِّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

ثُمَّ إِلَى جَمِيعِ إِخْوَانِهِ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَالِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ
وَالْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَالْأَيُّمَةَ الْمُجْتَهِدِينَ وَالْأَوْلِيَاءِ وَالشُّهَدَاءِ
وَالصَّالِحِينَ، وَالْعُلَمَاءِ الْعَامِلِينَ وَجَمِيعِ مَشَائِخِنَا وَأَسَاتِذَتِنَا

ثُمَّ إِلَى جَمِيعِ أَهْلِ قُبُورٍ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ مِنْ مَشَارِقِ الْأَرْضِ وَمَغَارِبِهَا، بَرِّهَا وَبَحْرِهَا أَبَائِنَا
وَأُمَّهَاتِنَا وَأَجْدَادِنَا وَجَدَّاتِنَا وَنَحْصُ خُصُوصًا مَنِ اجْتَمَعْنَا هَهُنَا
بِسَبَبِهِ وَلَا جِلَّةَ

Arwah Lelaki:

وْخُصُوصًا إِلَى رُوحِ الْمَرْحُومِ وَأُصُولِهِ
وَفُرُوعِهِ وَمَنْ يَنْتَسِبُ إِلَيْهِ أَجْمَعِينَ

Arwah Perempuan:

وْخُصُوصًا إِلَى رُوحِ الْمَرْحُومَةِ وَأُصُولِهَا
وَفُرُوعِهَا وَمَنْ يَنْتَسِبُ إِلَيْهَا أَجْمَعِينَ

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ (3X).

اللَّهُمَّ اجْعَلْ قُبُورَهُمْ رَوْضَةً مِّن رَّيَاضِ الْجَنَّةِ، وَلَا تَجْعَلْ قُبُورَهُمْ
حُفْرَةً مِّنْ حُفْرِ النَّارِ. اللَّهُمَّ بِحَقِّ الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ بِجَاهِ كَلَامِكَ
الْقَدِيمِ، اجْعَلِ اللَّهُمَّ ثَوَابَ ذَلِكَ بَعْدَ الْقَبُولِ فِدَاءً لَهُمْ مِّنَ النَّارِ
وَسِتْرًا لَهُمْ مِّنَ النَّارِ. اجْعَلِ اللَّهُمَّ الْقُرْآنَ يَا اللَّهُ فِي قُبُورِهِمْ
مُّؤْنِسًا لَهُمْ وَفِي الْقِيَامَةِ شَافِعًا، وَعَلَى النَّارِ سِتْرًا وَحِجَابًا، وَاجْعَلِ
اللَّهُمَّ الْجَنَّةَ مَأْوَاهُمْ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالشَّفَاعَةَ وَالْمَغْفِرَةَ عَلَى
جَمِيعِ أَهْلِ قُبُورٍ مِّنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، إِرْفَعِ لَهُمُ الدَّرَجَاتِ وَضَاعِفْ لَهُمُ الْحَسَنَاتِ وَكَفِّرْ
عَنْهُمْ السَّيِّئَاتِ وَأَدْخِلْهُمْ الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبَاءِ وَالْأُمَّهَاتِ. رَبَّنَا
اغْفِرْ لَنَا وَلِأَخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ رَبَّنَا
إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ.

يَا أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾
فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَأَدْخُلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، سُبْحَانَ
رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

الْفَاتِحَةُ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ
الرَّحِيمِ ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ أَهْدِنَا
الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

عَامِينَ عَامِينَ عَامِينَ , يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ , رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا دُعَاءَنَا إِنَّكَ
أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ , وَتُبْ عَلَيْنَا يَا مَوْلَانَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ
الرَّحِيمُ , وَلَا تُؤَاخِذْنَا بِالْعَظَائِمِ وَالْجَرَائِمِ يَا كَرِيمُ , وَعَاخِرُ دَعْوَانَا
أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنْكُمْ . (مِنَّا وَمِنْكُمْ تَقَبَّلْ يَا كَرِيمُ)



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, puji-pujian yang setimpal dengan nikmatNya, dan yang melengkapi nikmat yang bertambah-tambah. Wahai Tuhan kami, bagiMu segala pujian, puji yang selayaknya bagi keagunganMu. Yang Maha Mulia, kegagahan dan kebesaranMu.

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, puji-pujian yang setimpal dengan nikmatNya, dan melengkapi nikmat bertambah-tambah. Wahai kami, bagiMu segala pujian, selayaknya keagunganMu. Yang Maha Mulia, kegagahan kebesaranMu.

Ya Allah, limpahkan selawat ke atas junjungan nabi kami Muhammad SAW dengan satu selawat yang menyebabkan kami selamat dari semua ketakutan dan malapetaka yang menyebabkan Engkau menunaikan semua hajat kami, yang menyebabkan Engkau mensucikan kami dari semua kejahatan yang menyebabkan Engkau mengangkat kami ke darjat yang tinggi di sisiMu dan yang menyebabkan Engkau menyampaikan semua cita-cita kami berupa kebaikan-kebaikan dunia dan akhirat.

Ya Allah, limpahkan selawat ke atas junjungan nabi kami Muhammad SAW dengan satu yang menyebabkan selamat dari semua ketakutan dan malapetaka Engkau menunaikan hajat kami, mensucikan kejahatan mengangkat darjat tinggi di sisiMu menyampaikan cita-cita berupa kebaikan-kebaikan dunia akhirat.

Wahai Tuhanku, terimalah dan sampaikanlah pahala bacaan al-Quran yang agung yang telah kami baca, bacaan istighfar kami dengan ungkapan 'Aku Memohon Keampunan Keampunan Kepada Allah Yang Maha Agung', bacaan tahlil kami dengan



ungkapan ‘Tiada Tuhan Yang Disembah Melainkan Allah’, bacaan tasbih kami dengan ungkapan ‘Subhanallah’, dan bacaan selawat kami atas junjungan kami Nabi Muhammad SAW di majlis yang penuh berkat ini sebagai hadiah daripada kami, rahmat yang diturunkan dan keberkatan yang disampaikan kepada hadrat kekasih, junjungan dan penghulu kami Nabi Muhammad SAW dan kepada semua saudaranya daripada golongan para Nabi dan Rasul, ahli keluarga, para sahabat, para isteri, zuriat-zuriat dan semua ahli baitnya, para tabi’in, pengikut tabi’in, Khulafa’ al-Rasyidin, para imam mujtahid di jalan Allah, para wali, para Syuhada’, orang-orang Soleh, para ulama yang mengamalkan ilmunya, para masyaikh dan guru-guru kami kami. Kemudian kepada para ahli kubur dan golongan orang-orang Islam lelaki dan perempuan, dari golongan beriman lelaki dan perempuan, dan dari belahan sebelah timur dan barat, baik yang ada di darat mahu pun yang berada di lautan, khususnya kepada bapa-bapa dan ibu-ibu kami, datuk-datuk kami, nenek-nenek kami, dan kepada orang yang menyebabkan kami semua dapat berkumpul di sini dan untuk keperluannya.

Dan khusus kepada al-marhum / al-marhumah

..... dan usul serta cabangnya. Dan semua orang yang berhubung kait dengannya.

Ya Allah, berilah keampunan serta rahmat kepada mereka, dan berilah maaf dari kesalahan mereka (3X)

Ya Allah, jadikanlah kubur mereka salah satu dari taman-taman syurga, jangan jadikan kubur mereka salah satu dari lubang-lubang neraka.

Ya Allah, dengan kebenaran al-Quran yang mulia dan kebesaran ungkapanMu yang Qadim, jadikan pahala tersebut selepas penerimaanMu sebagai tebusan untuk mereka dari api neraka dan penghalang dari api neraka. Jadikan al-Quran di kubur sebagai peneman, di hari kiamat sebagai syafaat, di



dalam syurga sebagai penghalang dan penghadang api neraka untuk mereka. Dan jadikan syurga sebagai tempat tinggal mereka.

Wahai Tuhanku! Turunkan rahmat, berikan syafaat dan keampunan kepada para ahli kubur dari golongan orang-orang Islam lelaki dan perempuan dan orang-orang mukmin lelaki dan perempuan, angkatlah darjat mereka, gandakan ganjaran mereka, hapuskan kesalahan dan dosa mereka, gandakan kebaikan mereka dan masukkan mereka ke dalam syurga bersama-sama bapa dan ibunya. Wahai Tuhan kami! Ampunkan dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas kasihan dan RahmatMu.

Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang tetap dengan kepercayaan dan bawaan baiknya. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan) lagi diredhai (di sisi Tuhanmu!) Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hambaku yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam SyurgaKu! Semoga rahmat Allah dan kesejahteraan selalu tercurahkepada junjungan kami iaitu Nabi Muhammad, kepadakeluarga dan sahabatnya.

Wahai Tuhan kami, berilah kepada kami kebaikan di duniadan di akhirat, dan jauhkanlah kami dari siksa api neraka. Maha suci Tuhanmu yang mempunyai kemuliaan dari apa yang disifatkan (dituduhkan oleh orang kafir), salam sejahtera semoga tercurah kepada para Rasul dan segala puji bagi Allah Tuhan semesta Alam.

(Al-Fatihah)



Perkenankanlah permintaan kami ya Allah, wahai tuhan yang mentadbir seluruh alam. Ya Tuhan kami, terimalah doa kami, Sesungguhnya Engkaulah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Terimalah taubat kami ya Allah, sesungguhnya engkaulah Penerima taubat lagi Maha Mengasihani. Janganlah Engkau mengenakan kami dosa-dosa besar, wahai Tuhan yang Maha Mulia dan kami akhiri doa ini dengan segala pujian bagi Mu Allah Tuhan semesta Alam.

Semoga Allah menerima doa kita semua.



› BAB 9 ‹

Adab -Adab DALAM BERDOA



Bab 9 • Adab-Adab Dalam Berdoa

Adab berdoa merujuk kepada panduan sikap, tata cara, dan perilaku yang perlu diamalkan ketika berdoa dalam Islam, khususnya menurut Mazhab Syafie. Adab ini penting kerana ia mencerminkan rasa hormat dan keikhlasan seorang hamba kepada Allah SWT.

Antara adab-adab yang perlu diamalkan ialah:-

Menghadap Kiblat:

Berdoa dengan menghadap ke arah kiblat melambangkan penghormatan kepada Kaabah, rumah suci yang menjadi pusat ibadah umat Islam di seluruh dunia.

Mengangkat Tangan:

Angkat kedua-dua belah tangan setentang dengan wajah sambil penuh keyakinan bahawa Allah SWT mendengar setiap permintaan hamba-Nya.

Memuji Allah SWT:

Mulakan doa dengan memuji kebesaran Allah SWT, diikuti dengan selawat kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga Baginda, serta para sahabat.



Menyusun Doa Dengan Baik:

Utamakan memohon keampunan dan reda Allah SWT sebelum memohon hajat-hajat yang lain. Berdoa boleh dilakukan dalam bahasa apa pun, namun lebih baik menggunakan doa yang berasal daripada al-Quran, hadis Nabi SAW, atau amalan para sahabat dan ulama.

Mengakhiri Dengan Selawat:

Tutup doa dengan mengucapkan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW serta pujian kepada Allah SWT.

Adab-adab ini menggambarkan kesungguhan dan keikhlasan dalam berdoa, di samping menunjukkan penghormatan terhadap Allah SWT sebagai Pencipta dan Pemberi segala nikmat.



» BAB 10 «

Kelebihan Berdoa

SELEPAS SOLAT



Bab 10 • Berdoa Selepas Solat

Antara kelebihan utama doa selepas solat ialah ia merupakan salah satu waktu yang paling mustajab untuk berdoa.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Ummah RA beliau berkata:

Berdoa dengan menghadap ke arah kiblat melambangkan penghormatan kepada Kaabah, rumah suci yang menjadi pusat ibadah umat Islam di seluruh dunia.

قيل يا رسول الله أى الدعاء أسمع،
قال: جوف الليل الأخير ودبر الصلاة المكتوبة

“Ditanya akan Rasulullah ﷺ: Wahai Rasulullah, doa manakah yang paling didengar? Baginda menjawab: Doa pada tengah malam yang akhir dan selepas setiap solat fardu.” (Riwayat Tirmizi)

Makna doa yang “paling didengar” ialah doa yang paling mudah dimakbulkan, manakala “di akhir solat maktubah” merujuk kepada waktu setiap kali selesai solat lima waktu.

Selain itu, dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Fudhalah bin Ubaid, Rasulullah ﷺ pernah menegur seorang lelaki yang tergesa-gesa berdoa selepas solat tanpa memulainya dengan



pujian kepada Allah dan selawat ke atas Baginda.

Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ، فَلْيَبْدَأْ بِتَمْجِيدِ رَبِّهِ جَلَّ وَعَزَّ، وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ،
ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ ﷺ، ثُمَّ يَدْعُو بَعْدُ بِمَا شَاءَ

“Jika salah seorang daripada kalian selesai menunaikan solat, hendaklah dia memulakan doa dengan mengagungkan dan memuji Allah, kemudian berselawat ke atas Nabi, dan selepas itu barulah dia memohon apa yang diinginya.”

(Riwayat Abu Daud, 1481)

◉ Kelebihan Doa Selepas Solat

Waktu Mustajab:

Saat selepas solat fardu dikenali sebagai waktu mustajab untuk berdoa, di mana doa lebih mudah dikabulkan oleh Allah, sebagaimana dinyatakan dalam hadis.

Mendekatkan Diri kepada Allah:

Solat adalah ibadah yang utama untuk mendekatkan diri kepada Allah. Doa selepas solat membawa seseorang kepada hubungan yang lebih erat dengan Allah SWT.



Waktu Muhasabah:

Saat ini memberikan ruang untuk seseorang merenung tentang kehidupannya, memohon kekuatan, hidayah, dan bantuan Allah dalam menghadapi cabaran.

Memanjangkan Ibadah:

Walaupun solat telah selesai, doa selepasnya menjadi kesinambungan kepada ibadah dan mengekalkan ingatan kepada Allah.

Pengakuan Ketergantungan kepada Allah:

Doa melambangkan pengakuan bahawa segala keperluan dan harapan bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT, yang memperkukuhkan iman dan tawakal.

Memohon Keampunan:

Ia adalah waktu terbaik untuk memohon keampunan atas kesilapan yang mungkin dilakukan, sama ada sengaja atau tidak.

Mengharapkan Rahmat dan Keberkatan:

Doa selepas solat menjadi peluang untuk memohon rahmat, keberkatan, dan kebaikan daripada Allah untuk diri, keluarga, dan seluruh umat manusia.

Kelebihan-kelebihan doa ini menegaskan betapa pentingnya berdoa selepas solat sebagai amalan yang menambah keberkatan dalam kehidupan.



» BAB 11 «

Hukum Berdoa

SELEPAS SOLAT

Bab 10 • Hukum Berdoa Selepas Solat

Dalam Mazhab Syafie, doa selepas solat tidak dikategorikan sebagai rukun atau wajib, tetapi ia adalah amalan sunnah yang sangat dianjurkan. Waktu ini juga dikenali sebagai salah satu saat mustajab untuk berdoa.

• Hukum Doa Selepas Solat

Ulama Mazhab Syafie menggalakkan umat Islam untuk berdoa selepas menunaikan solat fardhu kerana waktu ini dianggap saat yang sangat dekat dengan Allah SWT. Dalam Kitab Al-Majmu', Imam Nawawi menyebutkan:

“Sungguhnya telah kami sebutkan bahawa disunatkan berzikir dan berdoa bagi imam, makmum, dan orang yang solat sendirian. Ia adalah sunnah selepas setiap solat fardhu tanpa khilaf.”

Penjelasan:

Syeikh Abu Al-'Abbas Al-Qurtubi dari Mazhab Maliki pula menyatakan:

“Hadis-hadis yang diriwayatkan menunjukkan bahawa waktu selepas solat fardhu adalah antara waktu yang paling utama untuk berdoa dan berzikir, di mana pada waktu ini doa diharapkan lebih mudah diterima.” (Kitab Al-Mufhim alal Muslim)



Sementara itu, menurut Syeikh Hasan ‘Amar Al-Hanafi:

“Selepas berzikir, para imam dianjurkan untuk berdoa untuk diri mereka dan juga untuk seluruh umat Islam, sementara jemaah yang hadir mengaminkan doa tersebut.” (Kitab Maraqil Falah)

◦ Hukum Berdoa Secara Berjemaah

Berdoa secara berjemaah, di mana salah seorang memimpin doa dan yang lain mengaminkan, juga dianjurkan dalam Islam. Dalam sebuah hadis, Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidaklah berkumpul satu kumpulan manusia, lalu sebahagian mereka berdoa dan sebahagian yang lain mengaminkannya, melainkan pasti Allah akan memperkenankannya.” (Riwayat Al-Hakim)

◦ Keutamaan Doa Selepas Solat Fardhu

Menurut Imam At-Tobari, Ja’far bin Muhammad As-Sadiq berkata:

“Berdoa selepas solat fardhu lebih utama daripada berdoa selepas solat sunat, sebagaimana solat fardhu lebih utama daripada solat sunat.” (Fathul Baari, Syarah Sahih Bukhari)

Al-Hafiz Imam Ibnu Hajar turut menyokong pandangan ini, beliau menyatakan:

“Berdoa selepas solat fardhu adalah sunnah dan dalam penjelasan ini terdapat penolakan terhadap pendapat yang mengatakan ia tidak disyariatkan.” (Fathul Baari)



Kesimpulan:

Doa selepas solat fardhu adalah amalan yang dianjurkan dan mempunyai keutamaan tersendiri. Ia adalah saat yang baik untuk memohon keampunan, keberkatan, dan rahmat Allah SWT, sama ada dilakukan secara individu mahupun berjemaah. Amalan ini bukan sahaja memperkukuhkan hubungan dengan Allah, tetapi juga menzahirkan rasa pengharapan sepenuhnya kepada-Nya.



﴾ BAB 12 ﴿

Soalan Lazim

Bab 12 • Soalan Lazim

- Apakah perbezaan antara wirid, zikir dan doa selepas solat?

Wirid merujuk kepada bacaan atau amalan tertentu yang dilakukan secara rutin selepas solat, seperti istighfar dan tasbih. Zikir adalah ungkapan untuk mengingati Allah melalui lafaz-lafaz tertentu seperti “Subhanallah” dan “Alhamdulillah”. Doa pula adalah permohonan atau permintaan yang dipanjatkan kepada Allah selepas solat.

- Adakah amalan wirid dan zikir selepas solat fardu wajib dilakukan?

Amalan wirid dan zikir selepas solat fardu tidak diwajibkan tetapi sangat dianjurkan (sunnah) kerana ia mendatangkan banyak kelebihan dan manfaat rohani.

- Bilakah waktu yang sesuai untuk membaca wirid dan zikir selepas solat?

Wirid dan zikir sebaiknya dibaca sejeurus selepas selesai solat fardu, sebelum meninggalkan tempat solat.

- Apakah bacaan wirid dan zikir yang disarankan selepas solat fardu?

Antara bacaan yang disarankan ialah istighfar tiga kali, membaca “La ilaha illallah wahdahu la syarika lah...” dan tasbih, tahmid, serta takbir masing-masing 33 kali.



- Bolehkah wirid dan zikir selepas solat dibaca dalam bahasa selain Arab?

Zikir dan wirid yang diajarkan dalam bahasa Arab sebaiknya dibaca dalam bahasa asalnya. Namun, jika terdapat kesukaran, boleh dibaca dalam bahasa yang difahami dengan niat yang ikhlas.

- Apakah kelebihan mengamalkan wirid dan zikir selepas solat?

Mengamalkan wirid dan zikir selepas solat dapat mendekatkan diri kepada Allah, menenangkan jiwa, dan memperoleh ganjaran pahala serta keampunan dosa.

- Adakah terdapat dalil yang menyokong amalan wirid dan zikir selepas solat?

Terdapat banyak hadis yang menganjurkan amalan zikir dan wirid selepas solat, antaranya hadis riwayat Muslim yang menyebut tentang keutamaan membaca tasbih, tahmid, dan takbir sebanyak 33 kali selepas solat.

- Bagaimana cara mengamalkan wirid dan zikir yang betul selepas solat?

Mulakan dengan istighfar, diikuti dengan bacaan zikir seperti tasbih, tahmid, dan takbir, serta doa-doa yang diajarkan oleh Rasulullah SAW.



- Adakah wirid dan zikir selepas solat perlu dibaca secara individu atau berjemaah?

Kedua-duanya dibolehkan. Namun, membaca secara individu lebih utama kecuali dalam keadaan tertentu seperti majlis ilmu atau untuk tujuan mengajar jemaah cara dan sebutan zikir selepas solat.

- Bolehkah wirid dan zikir selepas solat digantikan dengan bacaan al-Quran?

Wirid dan zikir mempunyai keutamaannya sendiri selepas solat. Bacaan al-Quran juga baik, tetapi sebaiknya tidak menggantikan amalan zikir yang disunnahkan.

- Apakah hukum meninggalkan wirid dan zikir selepas solat?

Meninggalkan wirid dan zikir selepas solat tidak berdosa kerana ia bukan wajib, tetapi seseorang akan terlepas daripada kelebihan dan ganjaran yang disediakan.

- Adakah terdapat wirid dan zikir khusus untuk solat tertentu, seperti Subuh atau Maghrib?

Terdapat zikir dan doa khusus yang dianjurkan selepas solat Subuh dan Maghrib, seperti membaca surah tertentu atau doa-doa tertentu.



- Bagaimana cara menghafal wirid dan zikir yang panjang selepas solat?

Mulakan dengan menghafal bacaan yang pendek dan ulangi secara konsisten. Sedikit demi sedikit, tambahkan bacaan baru sehingga hafal keseluruhan.

- Apakah peranan wirid dan zikir dalam meningkatkan kekhusyukan solat?

Wirid dan zikir membantu menenangkan hati dan menguatkan hubungan dengan Allah, yang seterusnya meningkatkan kekhusyukan dalam solat.

- Adakah wirid dan zikir selepas solat boleh diamalkan oleh kanak-kanak?

Ya, kanak-kanak digalakkan untuk mengamalkan wirid dan zikir selepas solat sebagai latihan dan pembiasaan dalam ibadah.

- Apakah perbezaan antara wirid dan zikir yang dibaca selepas solat dengan yang dibaca pada waktu lain?

Wirid dan zikir selepas solat biasanya adalah bacaan yang disusun khusus untuk diamalkan selepas solat, manakala zikir pada waktu lain boleh lebih umum dan pelbagai.



- Bolehkah wirid dan zikir selepas solat dibaca sambil melakukan aktiviti lain?

Sebaiknya wirid dan zikir dibaca dengan penuh perhatian dan khusyuk tanpa melakukan aktiviti lain untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya.

- Apakah pandangan ulama mengenai wirid dan zikir selepas solat?

Kebanyakan ulama sepakat bahawa wirid dan zikir selepas solat adalah amalan sunnah yang sangat dianjurkan.

- Adakah wirid dan zikir selepas solat perlu dibaca dengan suara kuat atau perlahan?

Bacaan zikir selepas solat boleh dilakukan dengan suara perlahan atau sederhana, tidak terlalu kuat sehingga mengganggu orang lain. zikir dan doa boleh di baca kuat untuk tujuan mengajar jemaah.

- Bagaimana cara memastikan wirid dan zikir selepas solat diamalkan secara konsisten?

Tetapkan niat yang ikhlas, jadikan ia rutin harian, dan fahami kelebihan serta manfaatnya untuk mendorong konsistensi dalam amalan.



- Adakah Doa Selepas Solat Merupakan Amalan Bidaah?

Zikir dan wirid selepas solat adalah diperbolehkan dan tidak dianggap sebagai bidaah kerana banyak dalil-dalil dari baginda Nabi yang menganjurkan amalan berzikir selepas solat. Berzikir atau berwirid, sama ada secara individu atau berjemaah, dengan panjang atau pendek, adalah harus dan tiada dalil yang melarang amalan tersebut.

Ulama sepakat bahawa berzikir akan meningkatkan pahala dan amalan tersebut baik untuk dilakukan. Darul Iftar Mesir juga menyatakan bahawa berzikir secara berjemaah adalah perbuatan yang disuruh oleh agama, dan siapa yang menyatakan ia bidaah sebenarnya adalah mereka yang membataskan apa yang telah diberikan keluasan oleh agama Islam yang mulia.



﴾ BAB 13 ﴿

Penutup

Bab 13 • Penutup

◦ Kepentingan Berdoa Kepada Allah

Salah satu nama Allah yang mulia dan indah ialah al-Sami', yang bermaksud Allah Maha Mendengar. Allah SWT mendengar segala rintihan, aduan, kebimbangan, dan luahan hamba-hamba-Nya pada setiap masa, tempat, dan keadaan.

Antara suara yang paling dicintai oleh Allah SWT selain daripada tangisan hamba-Nya yang bertaubat ialah doa daripada hamba-Nya yang memohon kepada-Nya. Allah sentiasa mendengar rintihan dan permohonan hamba-Nya dengan penuh kasih sayang, seumpama hubungan seorang kekasih dengan kekasihnya.

Firman Allah SWT:

“Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.” (Surah Ghafir, ayat 60)

Orang yang enggan berdoa dianggap sombong terhadap Allah SWT. Sikap ini menunjukkan seolah-olah dia tidak mengakui sifat-sifat kehambaannya yang rendah, miskin, jahil, dan hina di hadapan Allah.

Maka, berdoalah. Doa adalah manifestasi sifat kehambaan kita kepada Allah SWT, satu bukti bahawa kita sedar akan kebergantungan mutlak kita kepada-Nya. Sebagai hamba yang lemah, kita memerlukan Allah lebih daripada segala-galanya dalam kehidupan ini.



Semoga doa-doa yang dipanjatkan menjadi bukti kerendahan diri dan pengakuan kita sebagai hamba yang sentiasa memerlukan rahmat serta pertolongan-Nya.

Wallahu a'lam.





Bibiologi

- **Kitab Al-Awrad Al-Qusyasyiyyah**

Kitab Al-Awrad Al-Qusyasyiyyah ialah koleksi wirid, zikir, dan doa yang disusun oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Al-Qusyasyi, seorang ulama terkenal dari Hijaz pada abad ke-11 Hijrah. Ia menjadi panduan rohani untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui bacaan yang tersusun dan penuh keberkatan.

- **Kitab Uddatul Muhtajin**

Kitab Uddatul Muhtajin merupakan salah satu karya agung yang disusun oleh Syeikh Abdul Rauf Al-Singkeli, seorang ulama terkenal dari Aceh, Nusantara. Kitab ini menjadi panduan bagi umat Islam dalam mengamalkan wirid, zikir, dan doa untuk memperkukuhkan hubungan rohani dengan Allah SWT. Ditulis dengan pendekatan yang mudah difahami, kitab ini memberi fokus kepada amalan-amalan yang membantu umat Islam mendidik hati, memperoleh ketenangan, dan meningkatkan kualiti ibadah.

- **Kitab Bidayah Al-Hidayah**

Bidayatul Hidayah adalah salah satu karya agung Imam Al-Ghazali, seorang ulama tersohor yang digelar Hujjatul Islam. Kitab ini merupakan panduan komprehensif bagi umat Islam untuk memulakan perjalanan menuju keredaan Allah SWT melalui amalan ibadah, akhlak yang mulia, dan penghindaran daripada dosa-dosa. Ditulis dengan gaya bahasa yang mudah difahami, kitab ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat yang ingin mendalami asas-asas kehidupan yang berpaksikan hidayah Ilahi.



- Doa-doa yang diamalkan oleh para ulama terdahulu dan kontemporari.
- Panduan dan hukum berkaitan doa selepas solat berdasarkan Mazhab Syafie yang merujuk kepada beberapa sumber hadis dan pandangan ulama.

👁️ Produk Haffa



◦ Ini Buku Mandi Wajib + Video

Buku ini membincangkan secara keseluruhan berkenaan Mandi Wajib, bermula dengan sebab-sebab mandi, syarat-syarat serta cara mandi yang sempurna dan sah di sisi syariat.



Imbas Kod QR
atau KLIK SINI
untuk membeli





○ **Buku Panduan Lengkap Jamak Qasar + Video**

Buku ini membincangkan secara keseluruhan berkenaan Jamak & Qasar, dari sudut syarat-syarat dan sunat-sunat termasuk perkiraan hari musafir yang ramai orang keliru.



Imbas Kod QR
untuk membeli



○ **Modul Rukun Qauli**

Produk ini disertakan dengan video bagi membantu mengatasi masalah sebutan huruf terutamanya ketika membaca surah Al-Fatihah, serta bacaan rukun Qauli di dalam solat.



Imbas Kod QR
atau KLIK SINI
untuk membeli





○ Modul Seminar Persediaan Ramadan

Produk ini membantu menguasai segala perkara yang berkaitan dengan Puasa, Zakat Fitrah serta Qada Fidyah yang ramai orang terlepas pandang di bulan Ramadan.



Imbas Kod QR

atau KLIK SINI
untuk membeli



Wirid, Zikir & Doa

SELEPAS SOLAT